

**Operasi Perdagangan Pertukaran Matawang Asing oleh Individu  
Secara Lani (Individual Spot Forex) Melalui Platform Elektronik:  
Satu Sorotan dari Sudut Syariah**

---

Disediakan Oleh:

Marjan Muhammad  
Lokmanulhakim Hussain  
Mohamad @ Md Som Sujimon  
Wan Norhaziki Wan Abdul Halim

## **Operasi Perdagangan Pertukaran Matawang Asing oleh Individu Secara Lani (*Individual Spot Forex*) Melalui Platfom Elektronik: Satu Sorotan dari Sudut Syariah**

### **1. 0. Pendahuluan**

Dewasa ini perdagangan *spot forex* secara individu melalui platform elektronik semakin popular dan ia menjadi sumber pendapatan sampingan banyak pihak. Fenomena ini disemarakkan lagi dengan perkembangan teknologi serta kemudahan akses internet di serata dunia. Masyarakat Islam umumnya dan di Malaysia khususnya turut terlibat dalam perdagangan *spot forex* secara *online*. Namun, masih ramai umat Islam yang syak dan ragu-ragu tentang kesahihan aktiviti ini dari sudut syarak kerana beberapa faktor, antaranya kadar kerugian yang dialami oleh pedagang *spot forex* amat tinggi, ketidakpastian tentang operasi sebenar *spot forex* dan terdapat peruntukan undang-undang yang melarang pembabitian masyarakat Malaysia dalam transaksi *forex* kecuali melalui peniaga-peniaga yang diberi kuasa (*authorised dealers*) atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan atau peniaga-peniaga bukan bank yang terpilih sahaja.

Penyelidikan terperinci mengenai urusan *spot forex* secara *online* ini perlu dibuat bagi menjamin pendapatan yang terhasil daripada perdagangan ini berlandaskan hukum syarak. Sebarang transaksi yang melibatkan urusan matawang perlu dibuat secara berhati-hati bagi mengelak berlakunya riba *al-buyū'* yang diharamkan oleh Syariah melalui hadis Rasulullah s.a.w mengenai enam jenis item *ribawī* dan cara berurusan dengannya.

Objektif utama kertas kerja ini disediakan adalah bagi meneliti secara lebih mendalam operasi dan perjalanan perdagangan *spot forex* yang dijalankan oleh individu-individu melalui platform internet serta mengkaji sejauh mana pandangan syarak mengenai operasi tersebut. Bagi mencapai maksud ini, susunan penulisan akan dibuat seperti berikut: Bahagian seterusnya akan memberi pengenalan umum mengenai *forex* dan perdagangannya. Ini termasuklah penghuraian mengenai definisi *forex*, sejarah, jenis-jenis dan peserta-peserta yang terlibat dalam pasaran matawang, dan pembincangan ringkas mengenai *forex* di Malaysia. Bahagian ketiga akan memperhalusi operasi *spot forex* yang dijalankan oleh individu melalui internet. Perbincangan mengenai operasi merangkumi komponen asas yang diperlukan oleh seseorang individu untuk mengurus niaga matawang secara lani (*spot forex*), pasangan matawang utama yang didagangkan, istilah-istilah asas dan ciri-ciri penting dalam transaksi jualan dan belian *spot forex*. Dalam bahagian keempat pula, penulis akan menyorot pandangan syarak mengenai transaksi *spot forex* ini, dengan mengetengahkan konsep *bay' al-sarf* dalam Islam dan beberapa isu syariah yang berkaitan dengan *spot forex* secara *online* oleh individu pedagang. Bahagian terakhir merupakan penutup yang mengulas secara ringkas hasil penemuan dan cadangan.

## 2. 0. Pengenalan Umum Mengenai *Forex* dan Perdaganganannya

### 2.1. Definisi *forex*

Secara literal, ‘pertukaran asing’ atau *foreign exchange (forex atau FX)* merupakan singkatan dari terma ‘pertukaran matawang asing’ atau *foreign currency exchange*, di mana ia secara ringkasnya merujuk kepada ‘matawang negara-negara asing’.<sup>1</sup>

Menurut istilah, *forex* didefinisikan sebagai suatu transaksi pertukaran sejumlah nilai tertentu satu matawang dengan satu matawang yang lain, antara dua pihak, pada suatu kadar pertukaran yang dipersetujui, serta diserahkan pada suatu tarikh yang dipersetujui.<sup>2</sup> Kadar pertukaran matawang asing atau disebut juga sebagai kadar *forex (forex rate)* adalah nilai atau harga matawang sesebuah negara berbanding dengan matawang negara asing tertentu iaitu bilangan unit matawang bagi sesebuah negara yang perlu dibayar bagi membeli satu unit matawang bagi sebuah negara yang lain. Kadar *forex* bagi kebanyakan negara pada hari ini ditanda aras oleh sistem pengapungan yang ditentukan oleh keadaan pasaran, iaitu berasaskan permintaan dan penawaran matawang.

Urus niaga *forex* ini dijalankan di pasaran *forex* iaitu sebuah pasar di mana pembeli dan penjual mengurus niaga di dalam matawang-matawang boleh tukar (*convertible currencies*). Pasaran *forex* wujud melalui aktiviti perdagangan antarabangsa yang melibatkan pertukaran matawang berlainan negara dan merupakan pasar terbesar antarabangsa yang memiliki kecairan tertinggi di dunia.<sup>3</sup> Pasaran *forex* adalah pasaran *over-the-counter (OTC)*, yang bermaksud tidak terdapat pertukaran yang sentral dan *clearinghouse* di mana arahan-arahan diatur atau disusun. Sebaliknya, peniaga-peniaga *forex* dan peserta-peserta pasaran di seluruh dunia akan berhubung antara satu sama lain selama 24 jam sehari (kecuali hari minggu) melalui telefon, computer dan fax.<sup>4</sup>

Boleh dikatakan hampir kesemua negara di dunia pada hari ini memiliki matawang tersendiri yang digunapakai bagi urusan pembayaran atau menerima bayaran di dalam negara masing-masing. Manakala dalam aktiviti-aktiviti perdagangan antarabangsa, matawang-matawang asing diperlukan untuk digunapakai dalam urusan pembayaran. Keperluan inilah yang mewujudkan transaksi *forex* iaitu pertukaran bagi satu matawang dengan satu matawang yang lain.

### 2.2 Sejarah

Transaksi pertukaran telah wujud sejak di awal peradaban manusia lagi. Manusia memerlukan transaksi pertukaran sesama mereka bagi memenuhi keperluan masing-masing. Disebabkan ketiadaan sebarang unit pertukaran, maka sistem barter telah digunapakai oleh manusia untuk melakukan perdagangan sesama mereka. Transaksi ini dilakukan dengan menukar barang dan perkhidmatan bagi mendapatkan barang

---

<sup>1</sup> Lihat: *Oxford Dictionary of Finance and Banking*, Oxford: Oxford University Press, Edisi ke-3, 2005, h. 165.

<sup>2</sup> Ding Lai Hong, *The Foreign Exchange Market*, Kuala Lumpur: Institut Bank-Bank Malaysia, 2007, h. 2.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Kathy Lien, *Day Trading the Currency Market*, New Jersey: John Wiley & Sons Inc., 2006, h. 1.

dan perkhidmatan lain. Seiring dengan peredaran zaman serta kemajuan sistem perdagangan, manusia telah menggunakan suatu medium pertukaran (*medium of exchange*) yang dipersetujui bersama bagi memenuhi keperluan pembayaran barangan dan perkhidmatan secara lebih efektif. Logam-logam yang memiliki nilai khusus seperti emas, perak dan tembaga telah digunakan sebagai medium pertukaran dalam mengurus niaga.

Kepesatan sistem ekonomi akhirnya telah menemukan sistem matawang sebagai medium pertukaran rasmi. Hal ini seterusnya mewujudkan transaksi *forex* bilamana matawang sesebuah negara itu ditukar dengan matawang negara selainnya bagi tujuan perdagangan antarabangsa. Sememangnya asal-usul pasaran *forex* berpunca daripada aktiviti perdagangan antarabangsa dan penggunaan matawang yang berlainan antara pedagang-pedagang yang terlibat. Pihak yang menjual barangan kepada negara lain akan menerima bayaran dalam bentuk matawang asing. Pasaran *forex* itu menyediakan tempat untuk pedagang-pedagang bertukaran matawang asing yang mereka miliki atau perlukan.

Selain untuk tujuan perdagangan antarabangsa, terdapat beberapa pihak lain pada hari ini yang turut sama menyertai pasaran *forex* kerana beberapa tujuan lain iaitu<sup>5</sup> -

- (1) Melindungi nilai tukaran asing (*hedging*);  
Kemeruapan (*volatility*) pasaran mungkin menyebabkan perubahan kadar *forex* dari masa ke semasa, bergantung kepada perubahan permintaan dan penawaran matawang itu. Justeru, pihak yang terlibat dalam urus niaga matawang asing perlu mengambil langkah melindungi nilai matawang asing yang mereka pegangi atau berjangka terima atau bayar melalui kontrak pasaran hadapan (*forward contract*).
- (2) Keuntungan arbitraj;  
Arbitraj ialah suatu aktiviti mencari keuntungan melalui perubahan atau perbezaan kadar *forex* di pasaran yang berlainan. Di setiap pasaran, keadaan permintaan dan penawaran menentukan kadar *forex* di pasaran tersebut. Seseorang pengarbitraj akan mengesan perbezaan itu dengan membeli suatu matawang di pasaran yang murah dan menjualkan di pasaran yang mahal. Proses arbitraj itu akan berterusan sehingga tiada lagi keuntungan yang dapat diperolehi, iaitu apabila kadar menjadi sama di semua pasaran.
- (3) Keuntungan spekulasi;  
Spekulator menyertai pasaran *forex* dengan tujuan menjangka perubahan kadar pertukaran matawang asing tertentu. Mereka akan membeli sesuatu matawang asing dengan jumlah yang banyak jika mereka berpendapat bahawa nilainya akan meningkat pada suatu masa hadapan. Sekiranya kadar seterusnya bertambah, mereka akan menjual semula jumlah matawang itu serta memperoleh keuntungan. Sebaliknya, spekulator akan mengalami kerugian jika jangkannya meleset.

### **2.3 Jenis-jenis Forex Berdasarkan Nilai Tarikh Urusniaga (*Value Dates*)**

Kontrak-kontrak *forex* boleh dibuat secara lisan, elektronik mahupun melalui instrumen-instrumen telekomunikasi yang lain. Kontrak-kontrak *forex* boleh dibuat

---

<sup>5</sup> Cheah Kooi Guan, *Sistem Kewangan Malaysia*, Petaling Jaya: Pearson Malaysia, ed, ke-2, 2002, ms. 201-202.

secara penyerahan segera (*immediate delivery*) yang merangkumi hari ini (*today*), esok (*tomorrow*) atau lani (*spot*) yang mengambil masa dua (2) hari bekerja dari tarikh transaksi dibuat (T+2). Di samping itu, kontrak-kontrak *forex* juga boleh dilaksanakan bagi penyerahan yang menjangkau atau melebihi tempoh setahun bergantung kepada keadaan harga pasaran, had-had kredit atau peraturan-peraturan kawalan pertukaran. Kontrak-kontrak sebegini dinamakan sebagai kontrak-kontrak hadapan (*forwards contracts*).<sup>6</sup>

Secara umumnya, kontrak-kontrak *forex* terbahagi kepada dua jenis berdasarkan nilai tarikh urusaniaga (*value dates*) dijalankan iaitu (i) kontrak-kontrak *forex* segera (*immediate forex contracts*); dan (ii) kontrak-kontrak *forex* hadapan (*forward forex contracts*). Bentuk-bentuk kontrak yang diasaskan kepada nilai tarikh urusaniaga adalah seperti berikut:

- (1) Nilai hari ini (*value today*);  
Kontrak-kontrak *forex* berasaskan nilai hari ini melibatkan penyerahan pada hari yang sama menurut tarikh transaksi. Transaksi-transaksi bagi nilai hari ini lazimnya dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pembayaran-pembayaran *forex* yang mendesak. Dua pihak yang berkontrak akan saling bertukar dana matawang-matawang mereka pada hari yang sama.
- (2) Nilai esok (*value tomorrow/tom*);  
Kontrak-kontrak *forex* berasaskan nilai esok melibatkan penyerahan dalam tempoh satu hari bekerja dari tarikh transaksi.
- (3) Nilai lani (*value spot*);  
Kontrak-kontrak *forex* berasaskan nilai lani merupakan transaksi *forex* yang dibuat berdasarkan kadar *forex* yang ditanda aras menurut waktu transaksi, namun dengan penyerahan matawang yang mengambil masa dua (2) hari bekerja dari tarikh transaksi dibuat (T+2).
- (4) Nilai hadapan (*value forward*)  
Kontrak *forex* hadapan merupakan satu persetujuan yang memberi kesan undang-undang antara antara dua (2) pihak yang bertransaksi, dimana satu pihak daripadanya bersetuju untuk menyerahkan sejumlah khusus bagi satu matawang sebagai pertukaran bagi sejumlah khusus bagi satu matawang yang lain, untuk diserahkan tarikh di masa hadapan yang dipersetujui. Manakala kadar *forex* adalah tetap iaitu kadar *forex* hadapan yang dipersetujui pada tarikh transaksi.

## 2.4 Kategori Peserta *Forex* di Pasaran Matawang

Secara umumnya, terdapat tiga kategori utama peserta-peserta yang terlibat dalam pasaran *forex*. Mereka diklasifikasi berdasarkan peringkat penyertaan mereka.<sup>7</sup> Peserta-peserta di pasaran antara bank (*inter-bank market*) yang merangkumi bank-bank pusat serta firma-firma perbankan perdagangan dan pelaburan gergasi merupakan peserta-peserta tertinggi di pasaran *forex* dimana jumlah transaksi *forex* lazimnya mencecah USD100 juta ke USD500 juta. Bank-bank pusat, bank-bank perdagangan dan bank-bank pelaburan yang sederhana, dana-dana lindung nilai (*hedge funds*), syarikat-syarikat multinasional, serta institusi-institusi kewangan bukan bank yang merangkumi dana-dana persaraan (*pension funds*), syarikat-syarikat insuran dan dana-dana amanah merupakan peserta-peserta di peringkat sederhana

---

<sup>6</sup> Ding Lai Hong, *op. cit.*, h. 11.

<sup>7</sup> Ding Lai Hong, *op. cit.*, h. 5-6.

dimana transaksi *forex* biasanya berjumlah antara USD3 juta ke USD50 juta. Manakala peserta-peserta di peringkat rendah pula terdiri daripada syarikat-syarikat, pembuat-pembuat pasaran *forex* runcit (*retail forex market makers*) serta individu-individu. Secara umumnya, transaksi *forex* di peringkat ini berjumlah USD5 juta dan ke bawah.

Bank-bank perdagangan dan bank-bank pelaburan yang terlibat di pasaran *forex* mengurus niaga di dalam matawang asing bagi akaun mereka sendiri dan juga akaun pelanggan-pelanggan mereka. Syarikat-syarikat pula bertransaksi *forex* bagi memperoleh pegangan matawang asing bagi tujuan pembayaran dan penerimaan bayaran, serta pelaburan. Syarikat-syarikat multi dan supranasional ini juga terlibat dalam aktiviti spekulasi *forex* bagi meningkatkan dana akaun masing-masing. Di samping itu, syarikat-syarikat insuran, dana-dana persaraan, syarikat-syarikat kewangan, badan-badan antarabangsa dan badan-badan berkanun tempatan juga merupakan peserta-peserta aktif di dalam pasaran *forex* bagi tujuan perdagangan dan pelaburan. Bank-bank pusat juga merupakan pemain-pemain aktif di dalam pasaran *forex* ini. Dalam menguruskan rizab antarabangsa mereka, bank-bank pusat mengurus niaga *forex* di dalam kuantiti yang amat besar. Bank-bank pusat ini juga kerap kali campur tangan di dalam pasaran-pasaran *forex* dengan membeli dan menjual berbilion matawang bagi menstabilkan kadar matawang atau mengurangkan kemeruapan pasaran yang berlebihan.

Broker-broker *forex* pula merupakan peserta-peserta pasif di dalam pasaran. Mereka menjalankan fungsi sebagai 'perantara kewangan' dengan menyediakan senarai harga matawang terkini (*running price*) melalui kotak '*squawk*' broker, bagi tujuan mengatur transaksi antara pembeli dan penjual di pelbagai lokasi pusat-pusat kewangan. Broker-broker *forex* mengenakan caj perkhidmatan yang dinamakan '*brokerage fee*' bagi setiap transaksi pengaturan. Lazimnya, mereka mengatur transaksi antara bank-bank perdagangan.

Individu-individu persendirian juga merupakan pemain-pemain aktif di pasaran *forex* dengan tujuan memenuhi keperluan persendirian dan juga pelaburan. Penawaran produk-produk perbendaharaan baru, peningkatan aktiviti-aktiviti pengurusan dana dan perbankan persendirian global telah menggalakkan individu-individu yang berpendapatan tinggi (*high net worth*) untuk mengurus niaga di dalam jumlah matawang yang lebih besar melalui proses *leveraging*. Kebanyakan pedagang-pedagang individu mengurus niaga *spot forex* melalui platform-platform elektronik terutamanya internet yang disediakan broker-broker individu atau syarikat tertentu.

## **2.4 Pasaran *Forex* Dalam Konteks Malaysia**

Di Malaysia, urus niaga *forex* diurus tadbir oleh Peraturan Kawalan Pertukaran di bawah kuasa Akta 17-Akta Kawalan Pertukaran Wang (AKPW) 1953. Menurut Seksyen 4(1) AKPW 1953, kesemua transaksi berkaitan *forex* samada perdagangan atau seumpamanya mestilah dijalankan menerusi peniaga-peniaga yang diberi kuasa (*authorised dealers*), iaitu bank-bank tempatan berlesen yang terdiri daripada bank-

bank komersial/perdagangan dan bank-bank Islam<sup>8</sup>. Sejak tahun 1991, syarikat-syarikat kewangan terpilih telah diberi kebenaran menyediakan kemudahan pertukaran wang dan penjualan cek kembara (*traveler's cheque*).<sup>9</sup> Pada tahun 1996 pula, bank-bank saudagar yang besar telah diberi kebenaran untuk menyertai pasaran *forex* antara-bank. Lain-lain peserta di dalam pasaran *forex* adalah pengurup-pengurup wang (*money changers*). Sehingga kini, terdapat 830<sup>10</sup> pengurup wang berlesen yang diurus tadbir oleh di bawah kuasa Akta 577-Akta Pengurupan Wang 1998.<sup>11</sup>

Entiti-entiti kewangan yang telah diberi kuasa oleh Pengawal Pertukaran Asing iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menjalankan transaksi yang berkaitan *forex* adalah seperti berikut:

- i. Peniaga-peniaga yang diberi kuasa (*authorised dealers*), iaitu bank-bank tempatan berlesen yang terdiri daripada bank-bank komersial/perdagangan dan bank-bank Islam<sup>12</sup>;
- ii. Institusi-institusi kewangan yang dibenarkan, iaitu bank-bank pelaburan dan bank-bank Islam antarabangsa.
- iii. Peniaga-peniaga bukan bank yang terpilih (*selected non-bank dealers*), yang merangkumi broker-broker wang (*money brokers*) dan rumah-rumah penjelasan yang diberi kuasa (*authorised clearing houses*). Setakat hari ini, *money brokers* yang diberi kuasa untuk membuat transaksi *forex* hanya terhad kepada lima (5) sahaja, iaitu Affin Monerbrokers Sdn Bhd, Amanah Butler Malaysia Sdn Bhd, Forex Enterprise Sdn Bhd, Harlow's & MGI Sdn Bhd dan KAF-Astley & Pearce Sdn Bhd. Sementara itu, *clearing houses* yang diberi kuasa pula ialah BIMB Foreign Currency Clearing Agency Sdn Bhd dan RMEX Trading Sdn Bhd sahaja.<sup>13</sup>

Secara dasarnya, Malaysia mengamalkan dasar kawalan pertukaran matawang asing yang liberal.<sup>14</sup> Regulasi Kawalan Pertukaran atau Polisi-polisi pentadbiran pertukaran asing yang masih kekal sehingga ke hari ini sebahagiannya merupakan langkah berhemat bagi menyokong objektif makroekonomi secara keseluruhan dalam mengekalkan kestabilan sistem kewangan dan monetari.<sup>15</sup> BNM memainkan peranan utama dalam memastikan pasaran *forex* sesuai untuk perniagaan yang teratur bagi ringgit dan setrusnya untuk mengawal pasaran daripada terlalu terdedah kepada risiko *forex*.<sup>16</sup>

Sejak tahun 1995, peniaga-peniaga dan broker-broker *forex* yang menjalankan operasi perbendaharaan bagi bank-bank tempatan berlesen dan institusi-institusi kewangan

---

<sup>8</sup> Sebahagian besar bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam melibatkan diri dalam pasaran harian *forex* Antara-Bank (*inter-bank forex market*).

<sup>9</sup> Bank-bank saudagar (*merchant banks*) kini dikenali sebagai bank-bank pelaburan (*investment banks*) selepas penstrukturan semula sektor perbankan pada tahun 2003 yang juga telah menggabungkan syarikat-syarikat kewangan (*finance companies*) dan rumah-rumah diskaun (*discount houses*).

<sup>10</sup> Lihat: [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)

<sup>11</sup> Cheah Kooi Guan, *op. cit.*, h. 200.

<sup>12</sup> Sebahagian besar bank-bank perdagangan dan bank-bank Islam melibatkan diri dalam pasaran harian *forex* Antara-Bank (*inter-bank forex market*).

<sup>13</sup> Lihat: <http://www.bnm.gov.my/>

<sup>14</sup> Lihat: *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia – Perubahan Sedekad*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 1999, ms. 302-303.

<sup>15</sup> Lihat: *Polisi Pentadbiran Pertukaran Asing*, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2009, h. 1.

<sup>16</sup> *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia – Perubahan Sedekad*, *op. cit.*, h. 303.

yang dibenarkan oleh Pengawal Pertukaran Asing untuk bertransaksi di pasaran kewangan perlu mematuhi Kod Etika yang dikeluarkan oleh Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (PPKM)<sup>17</sup> serta garis panduan yang dikeluarkan oleh (BNM). Sebelum diberi lesen untuk mengurus niaga di Pasaran Wang dan *Forex* Antara-Bank, bakal-bakal peniaga dan broker *forex* terlebih dahulu dikehendaki lulus peperiksaan Sijil Pasaran Kewangan Malaysia bagi melayakkan mereka berdaftar sebagai ahli PPKM. Kelayakan professional di bawah seliaan PPKM dan Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM) ini diwajibkan ke atas mereka bagi memastikan pasaran-pasaran kewangan di Malaysia berterusan mendokong piawaian profesionalisme serta integriti yang tertinggi.<sup>18</sup>

Sebagaimana yang telah dinyatakan, semua transaksi *forex* di Malaysia mesti dilakukan dengan atau melalui peniaga-peniaga yang diberi kuasa (*authorised dealer*) sahaja. Mana-mana individu atau syarikat yang bukan dari kalangan peniaga-peniaga yang diberi kuasa (*authorised dealers*) tidak dibenarkan menawar sebarang perkhidmatan atau perdagangan matawang asing.

BNM sebagai Badan Pengawal Selia Sistem Kewangan telah mengeluarkan satu pekeliling bertarikh 4 Januari 2010 di bawah tajuk “Skim Perdagangan Matawang Asing Secara Haram”.<sup>19</sup> Pekeliling ini menyatakan bahawa Skim Perdagangan Matawang Asing Secara Haram merujuk kepada –

- (a) Membeli atau menjual matawang asing oleh mana-mana individu atau syarikat yang bukan merupakan peniaga-peniaga yang diberi kuasa, atau oleh mana-mana individu atau syarikat yang tidak mendapat kebenaran Pengawal Pertukaran Asing di bawah AKPW 1953; dan
- (b) Membeli atau menjual matawang asing oleh mana-mana pemastautin yang bukan merupakan peniaga-peniaga yang diberi kuasa, dengan mana-mana individu di luar Malaysia, atau oleh mana-mana pemastautin yang tidak mendapat kebenaran Pengawal Pertukaran Asing di bawah AKPW 1953.

Dengan demikian, adalah difahami bahawa Skim Perdagangan Matawang Asing ini melibatkan perbuatan membeli atau meminjam matawang asing daripada atau menjual atau meminjamkan matawang kepada peniaga-peniaga yang tidak diberi kuasa. Di bawah AKPW 1953, mana-mana individu adalah dilarang sama sekali mengurus niaga matawang asing, kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Pengawal Pertukaran Asing, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia, sebagaimana yang dinyatakan oleh Seksyen 3(1). Manakala Seksyen 4(1), (2) dan (3) AKPW 1953 pula menyatakan;

Except with the permission of the Controller, no person, other than an authorized dealer, shall, in Malaysia –

- (a) buy or borrow any gold or foreign currency from;
- (b) sell or lend any gold or foreign currency to; or
- (c) do any act which involves, is in association with, or is preparatory to, buying or borrowing any gold or foreign currency from, or selling or lending any gold or foreign currency to, any person other than an authorized dealer.

<sup>17</sup> Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia dahulunya dikenali sebagai *Malaysian FOREX Association*.

<sup>18</sup> Lihat: Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia ACI Malaysia, <http://www.ppkm.net/>

<sup>19</sup> Lihat: Pekeliling Bank Negara Malaysia, 4 January 2010, [www.bnm.gov.my](http://www.bnm.gov.my)



Except with the permission of the Controller, no person resident in the scheduled territories, other than an authorised dealer, shall, in Malaysia, do any act which involves, is in association with, or is preparatory to, buying or borrowing any gold or foreign currency from, or selling or lending any gold or foreign currency to, any person outside Malaysia.

Where a person buys or borrows any gold or foreign currency or does any act which involves, is in association with, or is preparatory to, buying or borrowing any gold or foreign currency in Malaysia, or being a person resident in the scheduled territories, does any act which involves, is in association with, or is preparatory to, the buying or borrowing of gold or foreign currency outside Malaysia, he shall comply with such conditions as to the use to which it may be put or the period for which it may be retained as may from time to time be notified to him by the Controller.

Berhubung dengan penerbitan yang mengiklankan perdagangan *forex* secara haram ini pula, Seksyen 4A.(1) dan (2) AKPW 1953 menyatakan;

Except with the permission of the Controller, no person, other than an authorized dealer, shall issue or publish, or otherwise facilitate the issuance or publication by any person of, an advertisement containing –

- (a) an invitation or an offer to buy, borrow, sell or lend any gold or foreign currency; or
- (b) information which is intended or might reasonably be presumed to be intended to lead, directly or indirectly, to the buying, borrowing, selling or lending of any gold or foreign currency.

For the purposes of this section, “advertisement” means the disseminating or conveying of information, invitation or solicitation by any means or in any form, including by means of—

- (a) any newspaper, magazine, journal or other periodical;
- (b) posters, notices or signboards;
- (c) circulars, handbills, brochures, pamphlets, books or other documents;
- (d) letters addressed to individuals or bodies;
- (e) photographs or cinematograph films; or
- (f) sound broadcasting, television, computers or other electronic means.

Manakala hukuman bagi kesalahan berurusniaga matawang asing tanpa kebenaran Pengawal Pertukaran Asing pula dinyatakan di Bahagian II (2A) di bawah akta yang sama sebagaimana berikut;

Notwithstanding subparagraph (2), any person who commits an offence under subsection 4(1) or (2) punishable under this Part shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both and the court may order any currency, gold or any property involved in respect of the commission of the offence to be forfeited.

Setelah meneliti peruntukan-peruntukan di dalam akta di atas dan melihat kepada skop peniaga-peniaga yang diberi kuasa (*authorised dealers*) berurusan dengan *forex*, ternyata sebarang urusan *forex* melalui saluran yang tidak diiktiraf oleh undang-undang seperti perdagangan *spot forex* yang dijalankan oleh individu perseorangan

melalui platform-platform elektronik menjadi satu kesalahan di sisi perundangan Malaysia. Jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu juta ringgit atau penjara untuk jangka masa tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

### **3. 0. Operasi Perdagangan Pertukaran Matawang Secara Lani Oleh Individu (*Individual Spot Forex*) Melalui Platform Elektronik**

Seperti yang telah dibincangkan, terdapat beberapa bentuk *forex* yang ditawarkan dan pelbagai kategori peserta yang terlibat dalam pasaran matawang (*forex market*). Di samping itu, kita juga telah mengetahui apakah yang dimaksudkan dengan *spot forex*. Namun, apakah *spot forex* yang dimainkan oleh individu melalui internet berbeza atau mempunyai persamaan dengan *spot forex* yang dibuat diperingkat *inter-bank*?

Bertitik tolak dari kaedah feqah yang berbunyi “الْحُكْمُ عَلَى الشَّيْءِ فَرَعٌ عَنْ تَصَوُّرِهِ” iaitu “menetapkan hukum sesuatu adalah cabang kepada memahami gambarannya”, maka sebelum kami membincangkan isu ini dari sudut hukum syarak, penjelasan tentang bagaimana operasi perdagangan *spot forex* dijalankan amat kritikal. Penjelasan ini juga akan membantu kita mengetahui ciri-ciri persamaan dan perbezaan antara *spot forex* yang dijalankan oleh individu melalui internet dan *spot forex* yang dibuat melalui saluran-saluran yang diiktiraf sah oleh kerajaan Malaysia.

#### **3.1 Komponen Asas Untuk Memulakan Perdagangan *Forex* Secara Individu**

Individu yang ingin memulakan perdagangan *forex* secara *online* (internet), hendaklah memiliki komponen-komponen berikut:

- i- Talian Internet.
- ii- Platform *Forex*.
- iii- Akaun Kewangan.

##### **3.1.1 Talian internet.**

Akses kepada talian internet merupakan komponen penting sebelum seseorang individu memulakan perniagaan *forex* individu, kerana aktiviti ini hanya boleh dilakukan secara dalam talian (*online*).

##### **3.1.2 Platform untuk menjalankan aktiviti perdagangan *forex* (Broker).**

Pada asalnya broker ialah individu atau badan yang mengambil komisen untuk menjalankan arahan jualan atau belian bagi pihak orang lain.<sup>20</sup> Tetapi di dalam konteks perdagangan *spot forex* secara *online*, kita dapati hampir semua broker-broker *forex* tidak mengenakan sebarang komisen untuk menjalankan transaksi.

---

<sup>20</sup> Lihat laman sesawang: <http://www.investopedia.com/terms/b/broker.asp>

Terdapat banyak syarikat broker *forex* (perantara) yang boleh dipilih oleh seseorang pedagang untuk dijadikan platform dalam menjalankan aktiviti perdagangan *spot forex*. Broker yang dipilih tidak semestinya broker tempatan, malah seseorang pedagang boleh memilih broker-broker yang beroperasi di luar negara kerana pendaftaran dengan sesebuah syarikat broker dan semua operasi perdagangan *forex*, deposit dan *withdrawal* dibuat secara *online*.

### 3.1.2.1 Jenis-jenis Broker

Dari sudut pengiktirafan dan kawalan, syarikat-syarikat broker boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

- i. Broker yang dikawal selia oleh badan penyelaras (*regulated*)
- ii. Broker yang tidak dikawal selia oleh badan penyelaras (*non-regulated*)

Terdapat beberapa badan pengawal yang berperanan meletakkan syarat, peraturan, terma dan lain-lain terhadap broker-broker *forex*. Mana-mana broker *forex* yang mahu diiktiraf dan bernaung di bawah badan-badan penyelaras ini hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Di Amerika Syarikat misalnya, broker-broker *forex* boleh berdaftar di Futures Commission Merchant (FCM), Commodity Futures Trading Commission (CFTC),<sup>21</sup> dan menjadi anggota National Futures Association (NFA).<sup>22</sup> Badan penyelaras ini berfungsi melindungi para pedagang daripada penipuan dan manipulasi oleh pihak broker.<sup>23</sup> Jika terdapat unsur penipuan atau manipulasi, pedagang boleh mengemukakan aduan terhadap broker melalui badan penyelaras ini.<sup>24</sup>

Antara contoh broker-broker yang berdaftar dengan badan penyelaras adalah:

- i. FXCM ([www.fxcm.com](http://www.fxcm.com))
- ii. FXSolutions ([www.fx-solutions.com](http://www.fx-solutions.com))
- iii. CitiFxPro ([www.citifxpro.com](http://www.citifxpro.com))
- iv. DBFx ([www.dbfx.com](http://www.dbfx.com))

Namun, dalam konteks Malaysia, setakat hari ini, BNM sebagai Badan Pengawal Selia Sistem Kewangan tidak mengiktiraf perdagangan *spot forex* yang dijalankan oleh mana-mana broker melalui platform internet kecuali melalui peniaga-peniaga yang diberi kuasa (*authorized dealers*) atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan atau peniaga-peniaga bukan bank yang terpilih sahaja. Justeru, tiada badan tertentu yang bertanggungjawab untuk mengawal selia dan memantau aktiviti yang dijalankan oleh platform-platform tersebut.

---

<sup>21</sup> Laman web rasminya: <http://www.cftc.gov>

<sup>22</sup> Laman web rasminya: <http://www.nfa.futures.org>

<sup>23</sup> Antara bentuk manipulasi ialah apabila broker mengekang pergerakan transaksi yang dibuat oleh seseorang pedagang dengan cara memanipulasi sistem dalam platform. Contohnya broker tidak menjalankan (*execute*) arahan penutupan posisi oleh pedagang sekiranya terdapat keuntungan yang besar kepada pedagang. (Interview En. Azren Mohd Yusoff pada 13 April 2011).

<sup>24</sup> Dirujuk laman sesawang: [http://en.wikipedia.org/wiki/Forex\\_scam](http://en.wikipedia.org/wiki/Forex_scam) pada tarikh 10 Mei 2010.

### 3.1.2.2 Pendaftaran Dengan Broker

Lazimnya, apabila seseorang individu ingin memulakan perdagangan *forex* dengan satu-satu broker, dia perlu membuat pendaftaran secara *online* dengan mengisi maklumat peribadi melalui laman web syarikat yang dipilihnya. Apabila pendaftaran diluluskan, individu tersebut akan diberikan satu nama pengguna (*username*) yang unik berserta dengan kata laluan (*password*) untuk tujuan daftar masuk (*log in*) ke platform syarikat tersebut.

Pedagang juga kebiasaannya diminta memuatnaikkan (*upload*) beberapa dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan, passport, bil-bil elektrik atau air, samada melalui fungsi muatnaik, fax ataupun email ke syarikat broker. Tujuannya ialah untuk pengesahan pengenalan diri terutamanya apabila pedagang ingin membuat permohonan *withdrawal*.

### 3.1.2.3. Muat Turun dan Memasang Perisian

Pedagang yang sudah berdaftar dikehendaki memuat turun satu perisian untuk dipasang (*install*) ke dalam sistem komputer. Melalui perisian ini, pedagang boleh membuat segala arahan transaksi di dalam *forex* seperti belian, jualan, dan lain-lain.

Antara perisian yang paling popular dan diguna secara meluas oleh syarikat-syarikat broker ialah perisian *Meta Trader 4*.<sup>25</sup> Kelebihan perisian ini, selain daripada menawarkan banyak indikator untuk tujuan jangkaan pasaran *forex* secara teknikal, perdagangan melalui perisian ini boleh dilakukan dengan menggunakan perisian robot yang boleh mengambil alih tugas pedagang dalam membuat arahan *forex* secara automatik. Perisian robot ini dikenali oleh kalangan para pedagang sebagai *Expert Advisor* (EA).<sup>26</sup>

### 3.1.3 Akaun kewangan yang memberi fasiliti kepada pedagang membuat deposit atau pengeluaran (*withdrawal*) wang ke dalam akaunnya di syarikat broker *forex*

Seseorang pedagang yang sudah berdaftar dengan sesebuah syarikat broker hanya boleh memulakan perdagangan *forex* secara sebenar (*real trading*) jika dia sudah mendepositkan wang ke dalam akaunnya. Proses deposit wang ke akaun adalah berbeza-beza antara broker, dan kadar minima yang diperlukan juga tidak sama. Matawang yang digunakan oleh kebanyakan broker untuk membuka akaun dan untuk deposit ialah USD. Hanya segelintir broker menggunakan matawang EUR.

Proses deposit dan *withdrawal* boleh dilakukan dengan beberapa kaedah mengikut yang ditawarkan oleh setiap broker. Antara kaedah digunakan ialah kad kredit, *wire*

---

<sup>25</sup> Contoh broker-broker yang menggunakan platform Meta Trader 4 boleh dilihat di laman sesawang: <http://www.earnforex.com/mt4-forex-brokers/>

<sup>26</sup> Contoh *Expert Advisor* (EA) yang boleh digunakan pada Platform Meta Trader 4 boleh dilihat di laman sesawang: <http://iticsoftware.com/expert-advisors/>

*transfer, liberty reserve, e-Bullion, web money, akaun e-Dinar, akaun e-Gold, money bookers, pecunics dan technocash.*<sup>27</sup>

Jadi, pedagang yang ingin menjalankan aktiviti *forex* secara *real* perlu memiliki salah satu daripada akaun tersebut untuk tujuan deposit dan *withdrawal*.

### 3.2. Matawang Yang Didagangkan

Di dalam perdagangan *forex*, item yang diniagakan ialah matawang. Tetapi tidak semua matawang negara ditawarkan untuk diniagakan. Terdapat beberapa matawang utama sahaja yang biasa ditawarkan, sebagaimana ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

Negara	Matawang	Simbol
<b>United States</b>	Dollar	USD
<b>European Union</b>	Euro	EUR
<b>Japan</b>	Yen	JPY
<b>Great Britain</b>	Pound	GBP
<b>Switzerland</b>	Francs	CHF
<b>Canada</b>	Dollar	CAD
<b>Australia</b>	Dollar	AUD
<b>New Zealand</b>	Dollar	NZD

#### 3.2.1. Pasangan Matawang Utama


Matawang-matawang ini didagangkan secara berpasangan. Dengan kata lain, satu transaksi *forex* akan melibatkan satu pembelian matawang dan satu penjualan matawang yang lain secara serentak. Pasangan-pasangan matawang yang biasa ditawarkan oleh broker ialah seperti: AUD/CAD, AUD/JPY, AUD/USD, CHP/JPY, EUR/CHF, EUR/CAD, EUR/JPY, EUR/GBP, EUR/USD, GBP/CHF, GBP/JPY, GBP/USD, NZD/USD, USD/CAD, USD CHF, USD/JPY.<sup>28</sup>

Daripada senarai pasangan-pasangan matawang di atas, kita dapati kesemuanya adalah berpasangan. Bagi setiap pasangan matawang, contohnya EUR/USD, matawang yang disebut di awalan iaitu EUR dikenali sebagai '*base currency*', dan yang disebut kemudian iaitu USD dikenali sebagai '*quote currency*' atau '*counter currency*'.<sup>29</sup>

<sup>27</sup> Kaedah pembayaran (deposit dan withdrawal) broker-broker forex boleh dilihat di laman sesawang: <http://www.earnforex.com/mt4-forex-brokers/>

<sup>28</sup> Keterangan lanjut tentang pasangan matawang yang didagangkan boleh didapati di laman sesawang: <http://www.babypips.com/school/currencies-are-traded-in-pairs.html>

<sup>29</sup> Dirujuk laman sesawang: <http://www.investopedia.com/terms/b/basecurrency.asp> dan <http://www.investopedia.com/terms/c/crosscurrency.asp> pada tarikh 10 Mei 2011.



Apabila anda membuat transaksi pembelian, harga (*rate*) yang tertera menunjukkan berapa unitkah *quote currency* yang anda perlu bayar untuk membeli satu unit *base currency*. Di dalam contoh di atas, untuk membeli satu euro, anda perlu membayar sebanyak 1.4500 dollar US.

Manakala jika anda membuat transaksi jualan, harga (*rate*) yang tertera menunjukkan berapa unitkah *quote currency* yang anda dapat untuk jualan satu unit *base currency*. Dalam contoh di atas, anda akan menerima 1.4500 dollar U.S untuk jualan satu euro.

### 3.2.2. Pembahagian Pasangan Matawang

Pasangan-pasangan matawang di dalam *forex* boleh dibahagikan kepada dua bahagian;

- i- *Direct Currency Pair*
- ii- *Cross Currency Pair*

*Direct currency pair* ialah pasangan matawang yang didagangkan dalam *forex* yang melibatkan matawang USD (iaitu matawang asas yang dideposit ke dalam akaun), contohnya EUR/USD, AUD/USD dan NZD/USD. Manakala *cross currency pair* atau *currency cross pair* ialah matawang yang didagangkan dalam *forex* yang tidak melibatkan matawang USD, contohnya pasangan GBP/JPY, EUR/CHF, dan AUD/JPY.<sup>30</sup>

Sebelum *spot forex* secara *online* ini diperkenalkan, seseorang yang ingin menukar sebarang matawang (yang tidak melibatkan matawang USD) mesti menukarkannya kepada matawang USD terlebih dahulu sebelum berupaya menukarkan kepada matawang yang dikehendaki.<sup>31</sup> Contohnya, A ingin menukar matawang *sterling* U.K dengan matawang *yen* Jepun. Menurut tradisinya, A mesti menukarkan matawang *sterling* kepada *dollar* U.S terlebih dahulu sebelum menukarkan *dollar* tersebut kepada *yen* Jepun.

Walau bagaimanapun, dengan adanya teknologi “*cross currency pair*”, A berupaya melangkaui (*bypass*) proses konversi tersebut, malah mampu menukarnya secara langsung kepada matawang yang dikehendakinya. Dengan kata lain, A dapat

<sup>30</sup> Dirujuk laman sesawang: <http://www.investopedia.com/terms/c/crosscurrency.asp> pada 10 Mei 2011.

<sup>31</sup> Dipetik daripada laman sesawang <http://www.babypips.com/school/what-is-a-currency-cross-pair.html> pada 15 Mei 2011.

berdagang *spot forex* yang melibatkan GBP/JPY secara terus, tanpa perlu membeli matawang *sterling* daripada broker.

Oleh itu, jika A membuka posisi *long* bagi instrumen GBP/JPY (membeli GBP dan menjual JPY), sistem platform akan secara automatik membuat pertukaran matawang USD kepada matawang JPY, dan kemudian berlaku transaksi yang diarahkan oleh pedagang iaitu membeli GBP dengan membayar JPY. Apabila posisi ini ditutup iaitu pedagang membeli JPY dan menjual balik GBP, sistem platform akan secara automatik menukarkan balik JPY kepada USD. Segala keuntungan atau kerugian pedagang dalam pertukaran ini adalah dalam nilai USD.

### 3.2.3. Lot Matawang Yang Didagangkan

Di dalam forex, jika seorang pedagang ingin memperdagangkan satu unit pasangan matawang, keuntungan yang dijangka diperolehinya tidak akan begitu signifikan. Contohnya, jika dia ingin membeli EUR/USD pada harga 1.4000 sebanyak satu unit sahaja, kemudian selepas seminggu ketika harganya naik kepada 1.4100, dia menjual balik 1 unit tersebut. Walaupun perbezaan antara dua harga berubah sebanyak 100 *pips*<sup>32</sup>, tetapi keuntungan yang diperolehi hanya sebanyak USD0.01 sahaja.

Lantaran itu, kebiasaannya broker menawarkan satu-satu transaksi dalam lot. Satu lot akan mengandungi atau mewakili sejumlah unit yang besar. Ibaratnya, seorang yang ingin membeli telur di pasaraya tidak boleh membeli sebiji telur, tetapi membelinya dalam satu unit *tray* yang mengandungi 30 biji telur. Begitulah halnya broker *forex*, menawarkan tukaran matawang dalam lot yang mewakili banyak unit.

Lot-lot yang ditawarkan dalam perdagangan *spot forex* secara *online* adalah seperti berikut.<sup>33</sup>

Lot	Bilangan unit
Micro	1,000
Mini	10,000
Standard	100,000

### 3.3. Transaksi Jualan dan Belian dalam Perdagangan *Forex*

Di dalam *forex*, semua pasangan matawang akan disebut dalam dua harga, iaitu:

- i- Harga '*bid*'. Iaitu harga yang broker akan membeli *base currency*, dalam satu transaksi pertukaran matawang dengan *quote currency*.

<sup>32</sup> *Pip* ialah unit terkecil bagi perubahan harga matawang. Contohnya apabila harga pasangan matawang USD/CHF berubah daripada 1.2212 kepada 1.2213, bermakna terdapat peningkatan sebanyak satu pip. Dipetik daripada laman sesawang: <http://www.investopedia.com/terms/p/pip.asp> pada 11 Mei 2011.

<sup>33</sup> Dipetik daripada laman sesawang: <http://www.babypips.com/school/lots-leverage-and-profit-and-loss.html> pada 11 Mei 2011.

- ii- Harga 'ask' atau 'offer'. Iaitu harga yang broker akan menjual *base currency*, dalam satu pertukaran matawang dengan *quote currency*.

Lazimnya, harga 'bid' lebih rendah daripada harga 'ask/offer'. Dan perbezaan antara dua harga 'bid' dan 'ask' dinamakan sebagai 'spread'.<sup>34</sup> Contohnya:

Subscriptions		Columns		
Currency Pair	Last	Bid	Offer	
EUR/USD	1.4574	1.4573	1.4575	
USD/JPY	82.20	82.18	82.21	
GBP/USD	1.6444	1.6442	1.6446	

Daripada sebutan harga di atas:

- Harga 'bid' untuk EUR/USD: 1.4573
- Harga 'offer/ask' EUR/USD: 1.4575
- *Spread* bagi EUR/USD ialah 2 *pips*.

### 3.4. Jenis Arahan (*Order*) Dalam Perdagangan *Forex*

Yang dimaksudkan dengan *order* di dalam perdagangan *forex* ialah bagaimana cara seorang pedagang masuk (*enter*) atau keluar (*exit*) sesuatu transaksi. Di bawah adalah beberapa jenis *order* yang kebiasaannya disediakan oleh broker-broker *forex*.

#### a) *Market Order*

*Market order* bermaksud membuat arahan transaksi *forex* (jualan atau belian) pada harga semasa yang ditunjukkan di platform. Contohnya, pada 21 April 2011 anda bercadang untuk membeli EUR/USD. Pada jam 10:44:34 am, ketika anda membuat arahan belian (*buy*), harga *ask/offer* pada saat itu ialah 1.4575. Sebaik anda membuat pengesahan (*confirmation*) untuk meneruskan transaksi, secara serta merta ia akan terjadi dengan harga tersebut.

#### b) *Limit Entry Order*

*Limit Entry Order* ialah membuat arahan transaksi *forex* dengan membeli pada harga lebih rendah dari harga semasa, atau menjual pada harga lebih tinggi dari harga semasa.

Contohnya, harga semasa bagi EUR/USD ialah 1.4242. Anda bercadang membuat transaksi jualan hanya jika harganya naik mencapai 1.4272. Sebaik membuat *Limit Entry Order* pada harga tersebut, transaksi masih dikira tidak berlaku. Apabila harganya naik mencecah 1.4272, transaksi jualan EUR/USD akan terjadi secara automatik, walaupun ketika itu anda tidak berada di depan komputer, atau sudah pun menutup program platform *forex* di komputer anda.

<sup>34</sup> Dipetik daripada laman sesawang: <http://www.investopedia.com/terms/b/bid-askspread.asp> pada 11 Mei 2011.



### c) *Stop Entry Order*

*Stop entry order* ialah membuat arahan transaksi *forex* dengan membeli pada harga lebih tinggi dari harga semasa, atau menjual pada harga lebih rendah dari harga semasa.

Contohnya, harga semasa bagi EUR/USD ialah 1.4242. Anda bercadang membuat transaksi belian hanya jika harganya naik mencapai 1.4272. Sebaik membuat *limit entry order* pada harga tersebut, transaksi masih dikira tidak berlaku. Apabila harganya naik mencecah 1.4272, transaksi belian EUR/USD akan terjadi secara automatik.

### d) *Stop Loss Order*

*Stop Loss Order* ialah satu arahan yang bertujuan menghalang daripada kerugian yang terlalu besar apabila arah pergerakan matawang berlawanan dengan yang diharapkan dari satu-satu posisi *forex* yang dibuka.

Contohnya, jika anda membuka satu posisi belian EUR/USD pada harga 1.4545. Anda bimbang harganya jatuh yang boleh mengakibatkan kerugian besar. Lalu anda mahu menghadkan kerugian yang anda sanggup tanggung ialah sebanyak 30 mata sahaja. Caranya ialah membuat arahan *Stop Loss Order* pada harga 1.4515. Katakan harganya menjunam teruk, maka ketika mencapai harga 1.4515, dengan sendiri posisi tadi akan tertutup, atau dengan kata lain, satu transaksi jualan (*sell*) akan berlaku pada harga tersebut.<sup>35</sup>

## 3.5. *Leverage*

Di dalam perdagangan *forex online*, *leverage* merujuk kepada satu kadar pinjaman (*credit/loan*) yang diberikan oleh broker bagi membolehkan seseorang pedagang membuat trading *forex* dengan nilai yang lebih besar daripada modal sebenar.

### 3.5.1 Fungsi *Leverage*

Jika broker menawarkan *leverage* 50:1, ia bermaksud broker bersetuju untuk memberikan pinjaman kepada pedagang sebanyak 50 kali ganda daripada amaun modal pedagang untuk didagangkan dengan broker tersebut. Kadar *leverage* adalah bergantung kepada setiap broker, dan bagi sesetengah broker, pedagang diberikan pilihan untuk memilih kadar *leverage*. Contoh kadar *leverage* yang biasa ditawarkan ialah 50:1, 100:1, 200:1, 500:1 hingga 1000:1.

Sebagai contoh, seorang pedagang yang memiliki modal sebanyak USD200 dengan sebuah broker yang menawarkan *leverage* 100:1, boleh membeli instrumen bernilai USD20,000. Jika harga instrumen tersebut naik sehingga USD22,000 pedagang akan memperoleh keuntungan sebanyak USD2,000.

---

<sup>35</sup> Dipetik daripada laman sesawang: <http://www.babypips.com/school/types-of-orders.html> pada 10 Mei 2011.

Daripada contoh di atas, kita dapati walaupun pulangan keuntungan daripada instrumen bernilai USD20,000 ialah sebanyak 10% sahaja, tetapi keuntungan yang diperolehi pedagang adalah 1,000% daripada amaun modalnya.

Begitu juga sebaliknya jika pergerakan harga instrumen berlawanan arah iaitu menurun, maka seorang pedagang yang membeli satu instrumen berharga USD20,000 dengan modal USD200 dan *leverage* 100:1, kemudian harganya menurun kepada USD18,000, dia telah kerugian sebanyak USD2,000 iaitu 1000% daripada modalnya, walaupun penurunan harga hanya sebanyak 10%.

Kesimpulannya, menjalankan trading *forex* dengan *leverage* akan memberi peluang kepada pedagang untuk mendapat keuntungan yang maksima. Tetapi risikonya juga sangat tinggi kerana seseorang pedagang boleh kehilangan segala modalnya dengan pergerakan harga yang kecil sahaja.

### **3.5.2 Margin Call**

Daripada huraian tadi, perdagangan *forex* berdasarkan *leverage* akan memberikan keupayaan kepada pedagang untuk memperdagangkan matawang dengan kadar yang besar melebihi modal. Dengan kadar *leverage* 100:1, pedagang yang mempunyai USD200, boleh menjalankan perdagangan *forex* bernilai USD20,000. Dengan keupayaan yang besar ini, pulangan yang diperolehi juga adalah signifikan dan kerugian yang ditanggung juka adalah sangat besar.

*Margin Call* adalah satu istilah di mana ketika suatu posisi *forex* sedang dalam keadaan *open*, dan pergerakan pasangan matawang bertentangan arah dengan yang diharapkan oleh pedagang, hingga berlaku kerugian yang menyebabkan ekuiti yang berbaki lebih rendah daripada kadar minima deposit yang diperlukan.

Ringkasnya, apabila ekuiti yang berbaki lebih sedikit daripada *used margin*, maka akan berlaku *margin call*. Manakala jika ekuiti yang berbaki lebih banyak daripada *used margin*, *margin call* tidak akan terjadi.

Apabila terjadi *margin call*, posisi *forex* yang dibuka oleh pedagang akan tertutup secara automatik, dan broker akan memaparkan mesej kepada pedagang terbahit bahawa dia menerima *margin call*.<sup>36</sup>

### **3.6. Bagaimana pedagang membuat keuntungan dari perdagangan *forex*?**

Dalam *forex*, pedagang membeli atau menjual matawang secara berpasangan. Tujuannya untuk mendapat untung dari perbezaan harga antara dua matawang. Jika harga matawang yang dibeli oleh pedagang meningkat berbanding harga matawang yang dijual, pedagang boleh mendapat untung dari perbezaan harga tersebut.

---

<sup>36</sup> Dipetik dari laman sesawang: <http://www.babypips.com/school/margin-leverage-possible-deadly-combination.html> dan <http://www.babypips.com/school/margin-call-exemplified.html> pada 18 Mei 2011.

Sebaliknya jika harga matawang yang dibeli menurun berbanding matawang yang dijual, pedagang akan rugi.


Contoh bagaimana keuntungan *forex* diperolehi melalui posisi membeli (*long*)

<b>Aktiviti Pedagang</b>	<b>EUR</b>	<b>USD</b>
Pada 12 Mei 2011, anda membeli 10,000 EUR ketika <i>rate</i> EUR/USD ialah 1.4130	+10,000	-14,130
Pada 13 Mei 2011, anda menukarkan balik 10,000 EUR tersebut dengan matawang USD ketika <i>rate</i> semasa ialah 1.4330	-10,000	+14,330
<b>Keuntungan yang anda dapat</b>	<b>0 EUR</b>	<b>+200</b>



Contoh bagaimana keuntungan *forex* diperolehi melalui posisi menjual (*short*)

<b>Aktiviti Pedagang</b>	<b>EUR</b>	<b>USD</b>
Pada 13 Mei 2011, anda menjual 10,000 EUR ketika <i>rate</i> EUR/USD ialah 14330	-10,000	+14,330
Pada 14 Mei 2011, anda membeli semula 10,000 EUR tersebut dengan matawang USD ketika <i>rate</i> semasa ialah 1.4130	+10,000	-14,130
<b>Keuntungan yang anda dapat</b>	<b>0 EUR</b>	<b>+200</b>



Contoh bagaimana kerugian *forex* terjadi melalui posisi membeli (*long*).

Aktiviti Pedagang	EUR	USD
Pada 13 Mei 2011, anda membeli 10,000 EUR ketika <i>rate</i> EUR/USD ialah 1.4300	+10,000	-14,300
Pada 14 Mei 2011, anda menukarkan balik 10,000 EUR tersebut dengan matawang USD ketika <i>rate</i> semasa ialah 1.4100	-10,000	+14,100
<b>Kerugian yang anda tanggung</b>	<b>0 EUR</b>	<b>-200</b>



### 3.7. Rollover Interest

Sebagaimana yang dimaklumi, semua perdagangan yang melibatkan *spot forex* mesti diselesaikan dalam tempoh dua hari perniagaan (*two business days*). *Rollover* akan berlaku sekiranya pedagang membuka posisinya (sama ada membeli atau menjual) melebihi tempoh 24 jam. *Forex rollover* berlaku secara automatik setiap hari (Isnin hingga Jumaat), kebiasaannya antara pukul 4.58 dan 5.06 petang EST.<sup>37</sup>

Sebagai contoh, bagi perdagangan yang dibuat pada hari Isnin, harga lani (*value spot*) adalah berdasarkan T+2, iaitu harga pada hari Rabu. Sekiranya pedagang membuka posisi pada hari Isnin dan membiarkannya selama semalaman (melebihi tempoh *rollover*), maka harga lani berubah kepada harga pada hari Khamis. Akibat daripada perubahan harga tersebut, caj *rollover* akan dikenakan. Walau bagaimanapun, peraturan ini dikecualikan sekiranya posisi dibuka dan dibiarkan semalaman pada hari Rabu. Pada kebiasaannya, harga lani untuk hari Rabu adalah berdasarkan harga pada hari Sabtu. Tetapi, disebabkan bank ditutup pada hari tersebut, maka harga lani dibuat berdasarkan harga pada hari Isnin yang berikutnya. Justeru, posisi yang dibiarkan semalaman pada hari Rabu akan mengakibatkan kadar caj faedah *rollover* akan bertambah (sama ada didebit atau dikredit) sebanyak tiga kali ganda. Perdagangan yang dibuat berdasarkan harga lani yang jatuh pada hari cuti juga akan mengalami pertambahan kadar caj faedah *rollover*.<sup>38</sup>

Semasa tempoh *rollover*, faedah (*interest*) akan didebit atau dikredit ke dalam akaun pedagang bergantung kepada arah posisi yang diambil (membeli atau menjual) dan perbezaan kadar faedah kedua-dua matawang yang terlibat. Sebagai contoh, jika kadar faedah jangka masa pendek bagi matawang USD ialah 4.25% dan JPY ialah 0.25%, dan pedagang telah membuka posisi membeli (*long*) USD maka faedah *rollover* sebanyak 4.0% akan dikredit ke dalam akaunnya (berdasarkan perbezaan net antara kedua-dua kadar faedah matawang yang didagangkan).<sup>39</sup>

Justeru, terdapat sesetengah broker yang menawarkan akaun *forex* tanpa elemen faedah, yang dikenali sebagai *rollover free* atau *swap free* akaun. Melalui akaun ini, klien boleh membuka dan menutup posisi pada bila-bila masa tanpa terikat dengan had masa yang tertentu kerana mereka tidak akan tertakluk kepada penerimaan atau pemberian faedah atau caj *rollover* sekiranya posisi dibuka melebihi semalaman. Akaun yang menawarkan *rollover free* ini dilihat lebih bersifat Islamik.

Namun, terdapat sesetengah broker yang menawarkan akaun yang bebas dari caj *rollover*, tetapi dalam masa yang sama akan mengenakan fi atau komisyen yang lain

---

<sup>37</sup> Dipetik daripada laman sesawang <http://www.mbtrading.com/forexRolloverPremRates.aspx> pada 5 Mei 2011.

<sup>38</sup> Dipetik daripada laman sesawang <http://www.earnforex.com/articles/what-is-rollover-interest-in-the-forex-market> pada 5 Mei 2011.

<sup>39</sup> Dipetik daripada laman sesawang [http://www.globextrade.com/rollover\\_premium\\_calculation.htm](http://www.globextrade.com/rollover_premium_calculation.htm) pada 5 Mei 2011.

bagi menggantikan caj tersebut. Sesetengahnya pula akan menetapkan kadar *spread* yang lebih tinggi.<sup>40</sup>

Melalui huraian ringkas terhadap beberapa elemen penting di dalam operasi *spot forex* secara *online*, diharapkan dapat membantu dalam memberikan gambaran yang jelas dan kefahaman yang tepat sebelum membincangkan isu-isu syariah yang timbul, dalam fasal yang seterusnya.

#### **4. 0. Perspektif Syarak Mengenai Perdagangan *Spot Forex* Secara Individu Melalui Platform Elektronik**

Dalam membincangkan pandangan syarak mengenai perdagangan *spot forex* oleh individu ini, penulis akan memulakan perbincangan dengan memberi pendedahan umum tentang jual beli matawang atau lebih dikenali dengan *bay' al-ṣarf* dalam istilah fekah. Ini bagi membolehkan pembaca mengetahui apakah hukum dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam transaksi jualbeli yang melibatkan matawang. Kemudian, penulis akan menengahkan beberapa isu-isu syariah dengan lebih mendalam berhubung operasi *spot forex* yang dijalankan oleh individu melalui internet.

##### **4.1. *Bay' al-Ṣarf* dalam Islam**

###### **4.1.1. Definisi *Bay' al-Ṣarf***

Secara literal, perkataan *al-ṣarf* dalam bahasa Arab bermaksud bunyi. Al-Azharī mengatakan *al-ṣarf* ialah *ḥarakah al-ḥarf* iaitu pergerakan huruf.<sup>41</sup> Perkataan *ṣarīf al-aqlām* yang tersebut dalam hadis adalah bermaksud bunyi *qalam* yang menulis segala takdir.<sup>42</sup> Dikatakan bahawa jual beli *al-ṣarf* dinamakan demikian kerana matawang emas dan perak, biasanya mengeluarkan bunyi ketika diletakkan di atas penimbang ketika urusan jual beli.<sup>43</sup>

Dari sudut istilah pula, jumbuh ulama dari kalangan mazhab Ḥanafī, Shāfi'ī dan Ḥanbalī bersepakat mengatakan *bay' al-ṣarf* ialah jual beli antara matawang (emas atau perak) dengan matawang (emas atau perak), samada bersamaan jenis atau berlainan jenis.

Al-Mūṣilī dari mazhab Ḥanafī dalam bukunya *al-Ikhtiyār* mendefinisikan *al-ṣarf* sebagai:

بَيْعُ الْأَثْمَانِ بَعْضُهَا بِبَعْضٍ<sup>44</sup>

<sup>40</sup> Sila rujuk lama sesawang berikut <http://www.100forexbrokers.com/rollover-swap-free-accounts> bagi maklumat lanjut mengenai broker yang menawarkan akaun tanpa elemen *rollover*, tetapi mengenakan kadar *spread* yang lebih tinggi dan bentuk fi/komisyen yang lain.

<sup>41</sup> Al-Azharī, *Tahdhīb al-Lughah*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabiy, 2001M, j. 1 h. 41.

<sup>42</sup> Ibn al-Athīr, *al-Nihāyah Fī Gharīb al-Ḥadīth*. Beirut: Al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 1399H, j. 3 h. 25.

<sup>43</sup> Al-Bahūtī, *Kasyyāf al-Qinā'*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 3 h. 266.

<sup>44</sup> Al-Mūṣilī, *Al-Ikhtiyār Li Ta'līl al-Mukhtār*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2 h. 39.

Maksud: “Jual beli *thaman* (emas atau perak) antara satu dengan yang lain”.

Menurut kitab *Mughnī al-Muhtāj* karangan al-Sharbīnī dari mazhab Shāfi‘ī, *al-ṣarf* ialah:

بَيْعُ نَقْدٍ بِالنَّقْدِ مِنْ جَنْسِهِ وَغَيْرِهِ<sup>45</sup>

Maksud: “Jual beli antara matawang dengan matawang dari jenis yang sama atau berlainan”.

Ulama mazhab Ḥanbalī, Al-Bahūtī dalam kitab *Kasyyāf al-Qinā‘*, mendefinisikan *al-ṣarf* sebagai:

بَيْعُ نَقْدٍ بِنَقْدٍ أَوْ أَحْتَلَفَ<sup>46</sup>

Maksud: “Jual beli matawang dengan matawang, samada bersamaan jenis atau berlainan”.

Manakala di dalam mazhab Mālikī, *bay‘ al-ṣarf* ialah jual beli antara matawang emas dengan matawang perak. Jika dua matawang yang ditukarkan sama jenis contohnya emas dengan emas, atau perak dengan perak, ia dinamakan *murāṭalah*.<sup>47</sup>

#### 4.1.2. Hukum dan Dalil Pensyariatan *Bay‘ al-Ṣarf*

Jual beli *al-Ṣarf* adalah satu bentuk jual beli yang diiktiraf dan dibenarkan oleh syarak, berdasarkan kepada keumuman dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. Ini kerana perkataan *al-bay‘* (jual beli) adalah meliputi jual beli matawang dengan matawang yang dinamakan secara khas sebagai *al-ṣarf*. Manakala dalil khas tentang jual beli *al-ṣarf* antaranya ialah:

Hadis Abū ‘Ubādah bin al-Ṣāmit, bahawa Nabi SAW bersabda:

الدَّهَبُ بِالذَّهَبِ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ، وَالْمَلْحُ بِالمَلْحِ، مَثَلًا بِمِثْلِهِ، سِوَاءَ سِوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ<sup>48</sup>

Maksud: “(Jual beli atau pertukaran) Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, dan garam dengan garam, hendaklah dengan kadar yang sama (timbangan atau sukatan), dan hendaklah beserta penyerahan bersama (oleh kedua-dua pihak). Sekiranya ia berlainan jenis, maka berjual belilah sebagaimana yang anda mahu jika dibuat secara penyerahan dari tangan ke tangan (oleh kedua-dua pihak)”.

Dalam riwayat lain oleh Umar r.a, Rasulullah s.a.w bersabda:

<sup>45</sup> Al- Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415H, j. 2 h. 369.

<sup>46</sup> Al-Bahūtī, *Kasyyāf al-Qinā‘*. j. 3 h. 266.

<sup>47</sup> Al-Khurashī, *Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl*. Beirut: Dār al-Fikr, j. 5 h. 50.

<sup>48</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, hadis no: 1587 j. 3 h. 1211.

«الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ رَبًّا إِلَّا هَاءَ وَهَاءَ»<sup>49</sup>

Maksud: “Emas dengan emas adalah riba kecuali secara penyerahan serentak, gandum dengan gandum adalah riba kecuali secara penyerahan serentak, kurma dengan kurma adalah riba kecuali secara penyerahan serentak, dan barli dengan barli adalah riba kecuali secara penyerahan serentak”.

Hadis-hadis di atas secara jelas menunjukkan bahawa syarak membenarkan jual beli antara matawang dengan matawang, sekiranya menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

#### 4.1.3. Syarat-syarat Bay ‘ *al-Şarf*

Terdapat beberapa syarat khas yang perlu dipenuhi bagi menentukan kesahihan jual beli *al-şarf*,<sup>50</sup> iaitu:

- i. **Berlaku penyerahan (*taqābuḍ*) kedua-dua item yang dijual beli sebelum berpisah.**

Dalam jual beli pertukaran matawang, penyerahan item yang ditukar (emas atau perak) hendaklah berlaku oleh kedua-dua pihak yang bertransaksi sebelum kedua-duanya berpisah.

Syarat ini adalah disepakati secara ijmak oleh seluruh ulama, sebagaimana al-Subkī menukilkannya dalam kata-katanya:

الْعُقُودُ بِالنَّسْبَةِ إِلَى التَّقَابُضِ عَلَى أَرْبَعَةِ أَقْسَامٍ مِنْهَا مَا يَجِبُ فِيهِ التَّقَابُضُ قَبْلَ التَّفْرِقِ بِالْإِجْمَاعِ وَهُوَ الصَّرْفُ<sup>51</sup>

Maksud: “Akad dari sudut hukum *taqābuḍ* terbahagi kepada empat bahagian. Antaranya ialah akad yang wajib berlaku *taqābuḍ* sebelum berpisah (antara dua pihak) dengan ijmak, iaitu *al-şarf*.”

Syarat ini adalah meliputi jual beli dua item yang sama jenis atau yang berlainan jenis. Pertukaran yang sama jenis ialah seperti jual beli emas dengan emas, dan jual beli perak dengan perak. Manakala yang berlainan jenis pula ialah pertukaran emas dengan perak. Ini disepakati oleh seluruh ulama, sebagaimana Imam al-Nawawī menyebut:

"يَدًا بِيَدٍ" حُجَّةٌ لِلْعُلَمَاءِ كَافَّةً فِي وُجُوبِ التَّقَابُضِ وَإِنْ اخْتَلَفَ الْجُنُوسُ<sup>52</sup>

<sup>49</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, hadis no: 2134, j. 3 h. 68, dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no: 1586, j. 3 h. 1209.

<sup>50</sup> Muḥammad al-Bāz, *Aḥkām Ṣarf al-Nuqū wa al-'Umulāt fi al-Fiqh al-Islāmī*, ‘Ammān: Dār al-Nafā’is, 1999, h. 41-78.

<sup>51</sup> Al-Subkī, *Takmilah al-Majmū’*. Dār al-Fikr, j. 10 h. 93.

<sup>52</sup> Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, j. 11 h. 14.



Maksud: “Perkataan ‘*yadan bi yadin*’ (penyerahan serentak/bersama) adalah hujah bagi seluruh ulama tentang kewajipan berlaku *taqābuḍ*, walaupun berlainan jenis”.

Piawaian AAOIFI dan Akademi Feqah Islam Antarabangsa OIC telah menetapkan bahawa *qabd* berlaku melalui dua cara; samada secara hakiki/fizikal atau secara hukmi/konstruktif.<sup>53</sup>

ii. **Akad jual beli *al-ṣarf* mesti bebas daripada pensyaratatan penangguhan.**

Syarat ini memberi maksud bahawa dua item (matawang emas atau perak) yang ditukarkan hendaklah kedua-duanya secara lani (*spot*), dan tidak boleh salah satu pihak yang bertransaksi meletakkan syarat penangguhan serahan.

Selain daripada hadis-hadis yang mewajibkan *taqābuḍ* seperti yang telah disebutkan di atas dengan lafaz “*yadan bi yadin*” dan “*hā’ wa hā’*”, Abū Sa‘īd al-Khudrī meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w bersabda:

« وَلَا تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِبًا بِنَاجِزٍ »<sup>54</sup>

---

<sup>53</sup> Pegangan secara fizikal berlaku melalui penyerahan serentak dengan tangan. Manakala pegangan secara konstruktif berlaku apabila penjual membenarkan pihak yang lain mengambil dan menggunakannya, walaupun tiada pegangan secara fizikal. Antara bentuk-bentuk pegangan secara konstruktif yang dibenarkan syarak dan amalan kebiasaan perniagaan adalah seperti berikut:

1. Mengkreditkan sejumlah wang ke dalam akaun pelanggan dalam keadaan-keadaan berikut:
  - a. Apabila institusi mendepositkan ke dalam akaun pelanggan sejumlah wang secara langsung melalui pemindahan bank (*bank transfer*)
  - b. Apabila pelanggan melakukan kontrak pertukaran matawang secara lani dengan institusi, dimana pembelian satu matawang dengan matawang yang lain telah dideposit ke dalam akaun pelanggan
  - c. Apabila institusi telah mendebitkan (atas arahan pelanggan) sejumlah wang dari akaun pelanggan dan mengkreditkannya ke dalam akaun yang lain dalam matawang yang berbeza, samada di institusi yang sama atau berlainan, bagi kegunaan pelanggan atau penerima yang lain. Dalam prosedur tersebut, institusi mesti mematuhi prinsip-prinsip Syariah berhubung pertukaran matawang.

Kelewatan dalam pemindahan oleh institusi adalah dibenarkan, selaras dengan praktis di mana penerima akan menerima resit sebenar berdasarkan amalan perniagaan yang diamalkan dalam pasaran matawang. Namun begitu, penerima tidak berhak untuk berurusan/menggunakan matawang tersebut sepanjang tempoh proses pemindahan kecuali setelah efek pemindahan benar-benar berlaku, bagi membolehkan penerima membuat penghantaran matawang kepada pihak ketiga.

2. Penerimaan cek merupakan salah satu bentuk pegangan secara konstruktif, dengan syarat baki berbayar dalam matawang cek tersebut masih wujud dalam akaun pengeluaran, dan institusi telah menghalang baki tersebut daripada sebarang pembayaran
3. Penerimaan voucher oleh peniaga, ditanda tangani oleh pembeli, adalah salah satu bentuk pegangan secara konstruktif, dengan syarat institusi yang mengeluarkan kad akan membayar jumlah tersebut kepada peniaga tanpa penangguhan.

Sila rujuk: AAOIFI, *al-Ma‘āyir al-Shar‘iyyah*, Piawaian 1 (Perdagangan Matawang), klausa 2.6.1-2.6.5; Resolusi Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawli OIC, Resolusi no. 53 (6/4) berkaitan pegangan (*al-qabd*).

<sup>54</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, hadis no: 2177, j. 3 h. 74, dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no: 1584, j. 3 h. 1208.

Maksud: “Dan jangan berjual beli item-item tersebut dengan satunya tiada (ketika akad) dan satunya ada (ketika akad)”.

Justeru, Rasulullah s.a.w melarang jualbeli *al-ṣarf* secara hutang, seperti mana hadis berbunyi:

«نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الذَّهَبِ بِالْوَرَقِ دَيْنًا»<sup>55</sup>

Maksud: “Rasulullah s.a.w. melarang jual beli emas dengan emas secara hutang”

iii. **Akad jual beli *al-ṣarf* mesti bebas daripada *khiyār al-shart*.**

Majoriti fuqaha berpendapat meletakkan syarat *khiyār* di dalam jual beli *al-Ṣarf* adalah tidak sah, dan ia membatalkan syarat dan akad sekaligus. Ini adalah mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Shāfi‘ī.<sup>56</sup>

Manakala di dalam mazhab Ḥanbalī, pensyaratan *khiyār* tidak membatalkan akad. Sebaliknya, akad tersebut akan terlaksana secara lazim (*binding*) jika kedua-dua pihak yang bertransaksi berpisah dari majlis akad, dan syarat tersebut sahaja yang terbatal.<sup>57</sup>

iv. **Persamaan kadar antara dua item yang ditukar jika bersamaan jenis.**

Syarat ini hanya khas bagi pertukaran dua item yang bersamaan jenis, contohnya jual beli atau pertukaran antara emas dengan emas, atau antara perak dengan perak. Di dalam transaksi pertukaran ini, kadar antara dua item hendaklah sama kadar dari sudut timbangan.

Terma ini diambil dari hadis yang telah disebutkan tadi iaitu hadis Abū ‘Ubādah yang menaskan bahawa pertukaran emas dengan emas dan perak dengan perak hendaklah dengan kadar yang sama (timbangannya).

#### 4.1.4. Hukum Pertukaran dan Pedagangan Matawang Kertas

Sebagaimana dimaklumi bahawa pada hari ini matawang kertas merupakan medium pertukaran dalam urusan jual beli di seluruh dunia, dengan setiap negara mempunyai matawang tersendiri. Sedangkan, medium pertukaran dalam urusan jual beli pada zaman awal Islam adalah emas dan perak. Hadis-hadis yang menyebut tentang *bay‘ al-ṣarf* secara teksnya adalah merujuk kepada emas dan perak, ataupun dinar dan dirham.

Walau bagaimanapun, para ulama hari ini samada melalui fatwa secara individu, fatwa secara kolektif ataupun melalui resolusi persidangan badan-badan fatwa atau

<sup>55</sup> Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, hadis no. 2180, j. 3, h. 75; Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, hadis no. 1589, j. 3, h. 1212.

<sup>56</sup> Al-Sarakhsī, *Al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1414H, j. 14 h. 23; Ibn Rushd, *Al-Muqaddimāt al-Mumahhidāt*. Dār al-Gharb al-Islāmī, 1408H, j. 2 h. 17; al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 2 h. 24.

<sup>57</sup> Al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, j. 4 h. 3.

kajian Syariah yang terkenal, telah bersepakat bahawa matawang kertas yang ada pada hari ini adalah sama hukumnya dengan emas dan perak dari sudut hukum riba, zakat dan *salam* serta lain-lain hukum yang berkaitan.

Akademi Feqah Islam Antarabangsa OIC (*Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli*) di dalam persidangan ke-3 yang diadakan di Amman, Jordan pada 8-13 Safar 1407H bersamaan 11-16 Oktober 1986 telah memutuskan resolusi yang berbunyi:

"بِخُصُوصِ أَحْكَامِ الْعُمَلَاتِ الْوَرَقِيَّةِ: أَنَّهَا تُقَوَّدُ اعْتِبَارِيَّةً فِيهَا صِفَةُ التَّمَنِّيَّةِ كَامِلَةٌ وَلَهَا الْأَحْكَامُ الشَّرْعِيَّةُ الْمَقْرَرَةُ لِلذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ مِنْ حَيْثُ أَحْكَامِ الرَّبَا وَالزَّكَاةِ وَالسَّلَامِ وَسَائِرِ أَحْكَامِهِمَا"

Maksudnya: "Berkaitan hukum-hakam matawang kertas, bahawa ia adalah matawang (*nuqūd*) secara *i'tibari*, yang mempunyai sifat harga/nilai (*al-thamaniyyah*) yang sempurna, dan ia adalah mengambil hukum-hakam syarak yang telah ditetapkan pada emas dan perak, dari sudut hukum riba, zakat, *salam*, dan segala hukum-hakamnya".<sup>58</sup>

## 4.2. Isu-isu Syariah dalam Perdagangan *Spot Forex* Secara Individu Melalui Platform Elektronik

Setelah meneliti operasi perdagangan pertukaran matawang asing oleh individu secara lani melalui platform elektronik sepertimana yang telah diketengahkan dalam perbincangan sebelum ini dan melihat kepada syarat-syarat yang perlu dipenuhi dalam *bay' al-sarf*, terdapat beberapa isu syariah yang perlu diperhalusi dan diperinci dengan lebih mendalam, antaranya:

- i. *Qard* = *Leverage*
- ii. Riba *al-Nasi'ah* = *Rollover interest*
- iii. *Qabd*
- iv. Menjual matawang yang tiada dalam pegangan
- v. Spekulasi yang melibatkan perjudian (*maysir*)

Berikut adalah perbincangan berhubung isu-isu syariah di atas:

### 4.2.1 *Qard* = *Leverage*

Dalam huraian yang lalu tentang operasi *forex*, telah diterangkan apakah yang dimaksudkan dengan *leverage*, dan bagaimana ia berfungsi dalam memberi peluang kepada pedagang untuk meraih keuntungan yang maksima dengan hanya modal yang kecil melalui pergerakan harga matawang yang sedikit.

Untuk melihat isu *leverage* dari perspektif Syariah, kita terlebih dahulu perlu menyesuaikan dari sudut Feqah melalui *takyif fiqhī*. Penyesuaian yang paling hampir dengan isu *leverage* ialah pinjaman wang (*qard*). Broker berfungsi sebagai pemberi pinjaman (*muqrid*), pedagang sebagai individu peminjam (*muqtariq*), dan kadar *leverage* yang diberikan adalah sebagai pinjaman (*qard*).

<sup>58</sup> *Majalah Majma' al-Fiqh al-Islami*, bil: 3, j. 3 h. 1650.

Broker yang memberikan *leverage* sebanyak 100:1 seolah-olah bersedia memberikan pinjaman kepada pedagang sebanyak 99% daripada harga total instrumen yang hendak dibuka oleh pedagang. Dalam konteks *leverage* 100:1, jika pedagang ingin membuka posisi bernilai USD1000, dia hanya perlu menyediakan modal sebanyak USD10, dan selebihnya sebanyak USD990 disediakan oleh broker dalam bentuk pinjaman.<sup>59</sup>

Persoalan fekah yang timbul daripada perdagangan *forex* menggunakan fasiliti *leverage* adalah seperti berikut:

### 1. Syarat akad jual beli di dalam akad *qard*.

Dalam konteks broker memberi *leverage* kepada pedagang ketika membuka posisi dalam *forex*, broker seolah-olah memberikan pinjaman kepada pedagang dengan syarat pedagang akan menjalankan perdagangan *forex* dengan broker tersebut. Bererti jika pedagang tidak membuka sebarang posisi dengan broker, dia tidak akan diberikan sebarang pinjaman.

Di dalam feqah, meletakkan syarat akad jual beli lain di dalam akad *qard* adalah tidak dibenarkan. Ia dikenali dengan permasalahan '*bay' wa salaf*' iaitu jual beli berserta dengan pinjaman. Pengharamannya disepakati secara ijmak oleh seluruh ulama.

Al-Qarāfi menyebut:

وَبِإِجْمَاعِ الْأُمَّةِ عَلَى جَوَازِ الْبَيْعِ وَالسَّلْفِ مُفْتَرِقَيْنِ وَتَحْرِيمِهِمَا مُجْتَمِعَيْنِ لِذَرِيعَةِ الرَّبَا

Maksud: "Dan dengan ijmak umat bahawa diharuskan jual beli dan pinjaman secara berasingan, dan haram kedua-duanya secara bersekali, kerana ia adalah laluan riba".<sup>60</sup>

Al-Bājī juga menukilkan ijmak di dalam kitabnya al-Muntaqā.<sup>61</sup>

Pengharaman dua akad ini secara bersekali adalah berdasarkan kepada beberapa hujah, antaranya:

Hadis Nabi s.a.w:

لَا يَحِلُّ سَلْفٌ وَبَيْعٌ

Maksud: "Tidak halal *salaf* (pinjaman) beserta jual beli".<sup>62</sup>

<sup>59</sup> Lihat laman sesawang: <http://investinforexonline.com/2010/02/what-is-forex-leverage/>

<sup>60</sup> Al-Qarāfi, *Al-Furūq*. Cetakan 'Ālam al-Kutub, j. 3 hlmn. 266.

<sup>61</sup> Al-Bājī, *Al-Muntaqā Sharḥ al-Muwaṭṭa'*. Cairo: Dār al-Kitāb al-Islāmī, j. 5 hlmn. 29.

<sup>62</sup> Hadis riwayat Abu Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*. Beirut: Al-Maktabah al-'Aṣriyyah, j. 3 h. 283 (no: 3504), Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*. Egypt: Maktabah Wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Ḥalabī, 1395H, j. 3 h. 527 (no: 1234), dan Al-Nasa'ī, *Sunan al-Nasa'ī*. Halab: Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah, 1406H, j. 7 h. 288 (no: 4611).

Hadis ini secara nyata menunjukkan haram menghimpunkan antara akad *qard* dan akad jual beli dalam satu akad, dan secara umumnya ia menunjukkan haram meletakkan syarat akad jual beli di dalam akad *qard*.<sup>63</sup>

Menghimpunkan antara dua akad iaitu *qard* dan jual beli (termasuk jual beli *ṣarf* iaitu *forex*) akan mengubah asas akad *qard* yang pada asalnya disyariatkan sebagai akad berbentuk kebajikan (*irfāq*), sedangkan jual beli (termasuk *forex*) adalah akad pertukaran (*mu'āwadhāt*). Maka tidak boleh dihimpunkan antara keduanya kerana ia akan mengubah *muqtadā* akad *qard*.<sup>64</sup>

Ia juga akan menghimpunkan antara dua jenis akad yang berbeza dari sudut lazim (*binding*). Kerana *qard* adalah akad yang bukan lazim, manakala jual beli (termasuk *forex*) adalah akad lazim. Maka tidak harus disekalikan antara dua akad yang berbeza dari sudut tersebut.<sup>65</sup>

Di dalam konteks perdagangan *forex*, ia didapati termasuk di dalam umum larangan ini, kerana broker hanya menyediakan pinjaman di atas nama *leverage* kepada pedagang yang membuka posisi di platformnya sahaja. Dan dimaklumi bahawa perdagangan *forex* adalah satu bentuk jual beli iaitu pertukaran wang dengan wang, yang dinamakan *bay' ṣarf*, dan ia termasuk dalam umum jual beli yang disebut dalam hadis.

Unsur kombinasi antara dua akad tersebut dikemukakan sebagai hujah oleh Akademi Fiqh Islam (*Majma' al-Fiqh al-Islāmī*) yang bernaung di bawah *Rābiṭah al-'Ālam al-Islāmī* dalam tidak membenarkan perniagaan berdasarkan *margin*.<sup>66</sup>

## **2. Unsur Riba dalam Leverage.**

Antara isu yang timbul daripada kewujudan unsur *leverage* ialah terdapatnya riba yang jelas melalui pengenaan *interest* bagi posisi yang dibuka melebihi 24 jam. Walaubagaimana pun, tidak semua broker *forex* terbabat dengan pengenaan *interest* ini. Isu ini akan diterangkan dengan lebih lanjut di dalam isu berkaitan *rollover interest*.

## **3. Leverage adalah pinjaman (qard) yang memberi manfaat kepada pemberi pinjam.**

---

<sup>63</sup> 'Umayrah berkata, "Maksudnya: Jual beli dengan syarat *qard*, atau *qard* dengan syarat jual beli". Lihat: 'Umayrah, *Ḥāshiyah 'Umayrah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1415H, j. 2 h. 323.

<sup>64</sup> Lihat: Al-Bājī, *Al-Muntaqā Sharḥ al-Muwāṭṭa'*, j. 5 h. 29.

<sup>65</sup> Lihat: Al-Bājī, *Al-Muntaqā Sharḥ al-Muwāṭṭa'*, j. 5 h. 29.

<sup>66</sup> Lihat resolusinya yang diputuskan pada persidangan ke-18 pada 12 April 2006.

Sebagaimana dimaklumi bahawa setiap pinjaman yang membawa kepada manfaat kepada pemberi pinjam, ia adalah riba yang diharamkan. Kaedah ini sangat masyhur dalam tajuk riba dan disebut oleh ramai sarjana feqah dengan lafaz-lafaz berbeza, antaranya:

كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ مَنَفَعَةً فَهُوَ رِبًا

Maksud: “Setiap pinjaman yang memberi manfaat (kepada pemberi pinjam), maka ia adalah riba”. Kata-kata ini walaupun dari sudut ilmu hadis ia adalah hadis yang tidak sabit dengan sanad yang sahih,<sup>67</sup> tetapi ia telah menjadi kaedah yang disepakati oleh seluruh orang Islam.<sup>68</sup>

Di dalam perdagangan *forex*, broker memberi pinjaman kepada pedagang dan pinjaman tersebut membawa manfaat kepada broker dari sudut pedagang yang memperoleh pinjaman sudah pasti membuka posisi *forex* melalui broker tersebut. Di dalam transaksi *forex* antara pedagang dengan broker, broker akan mendapat keuntungan melalui *spread*, iaitu perbezaan antara harga *bid* dan harga *ask*, di mana broker menjual matawang kepada pedagang dengan harga tinggi, dan membelinya dengan harga rendah.

#### 4.2.2 Riba *al-Nasī'ah* = Rollover interest

Antara ciri-ciri yang terdapat dalam perdagangan dan pertukaran matawang asing oleh individu secara lani (*spot*) melalui platform elektronik adalah elemen *rollover interest*. Seperti yang telah diketengahkan sebelum ini, pedagang akan menerima atau memberi faedah *rollover* bergantung kepada arah posisi yang diambil (menjual atau membeli) dan perbezaan kadar faedah kedua-dua matawang yang terlibat sekiranya beliau membuka posisi melebihi tempoh semalaman. Faedah ini berlaku kerana wang yang didagangkan dalam *spot forex* adalah hutang yang dipinjamkan oleh broker kepada pedagang melalui konsep *leverage*.

Isu *rollover interest* ini merupakan isu syariah yang paling ketara dalam perdagangan *spot forex*, di mana sesiapa yang membuka posisinya melebihi daripada semalaman, beliau akan terdedah kepada penerimaan atau pemberian riba *al-nasī'ah* yang diharamkan oleh syarak, seperti mana firman Allah yang berbunyi:

((يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ (۲۷۸) فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَإِن تُبْتِغُوا فَلَئِنَّكُمْ لَفِي رُءُوسِ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ))

<sup>67</sup> Lihat keterangan tentang kedhaifan hadis ini di dalam: Al-Zayla'ī, *Naṣb al-Rāyah*. Beirut: Mu'assasah al-Rayyān, 1418H, j. 4 h. 60, Ibn al-Mulaqqin, *Al-Badr al-Munir*. Riyadh: Dār al-Hijrah, j. 6 h. 621, dan Al-'Asqalānī Ibn Hajar, *Al-Talkhīṣ al-Ḥabīr*. Mesir: Mu'assasah Qurtubah, 1416H, j. 3 h. 79-80.

<sup>68</sup> Al-Shīrāzī, *Al-Muḥadḥhab*. Dār al-Minhāj, 1428H, j. 5 h. 452.

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa. (Surah al-Baqarah: 278-279)

Dalam konteks ini, al-Majma‘ al-Fiqhī al-Islāmī (Rābiṭah al-‘Ālam al-Islāmī) dalam mesyuarat sesi ke-18, pada 12 April 2006 dalam resolusi berhubung perniagaan berdasarkan margin, memutuskan bahawa caj *rollover* merupakan unsur riba yang nyata dan diharamkan. Berikut adalah nas resolusi tersebut:

" وَيَرَى الْمَجْلِسُ أَنَّ هَذِهِ الْمُعَامَلَةَ (الْمُتَاجِرَةَ بِالْهَامِشِ) لَا تَجُوزُ شَرْعًا لِأَسْبَابِ الْآيَةِ:   
أولاً: مَا اسْتَمَلْتُ عَلَيْهِ مِنَ الرَّبَا الصَّرِيحِ، الْمُتَمَثِّلِ فِي الزِّيَادَةِ عَلَى مَبْلَغِ الْقَرْضِ، الْمُسَمَّاةِ (رُسُومِ التَّبْيِيتِ)،   
فَهِيَ الرَّبَا الْمَحْرَمُ..."

Maksudnya: "Majlis berpendapat muamalat ini (perniagaan berdasarkan margin) tidak dibenarkan oleh syara' berasaskan hujah-hujah berikut:

Pertama: Muamalat ini mengandungi unsur riba yang nyata, iaitu melalui penambahan ke atas jumlah hutang (caj *rollover*). Ia adalah riba yang diharamkan..."

Walaupun terdapat broker yang menawarkan akaun FOREX secara Islam tanpa elemen faedah *rollover*, tetapi sesetengah daripada mereka akan mengenakan fi atau komisyen lain bagi pedagang yang membuka posisi melebihi semalaman, atau mengenakan kadar *spread* yang lebih tinggi bagi menggantikan caj *rollover*.

Jika diperhalusi, pengenaan fi yang berasingan dan penaikan kadar *spread* sebenarnya merupakan helah bagi menyembunyikan caj *rollover* yang dikenakan ke atas pedagang matawang asing dengan cara menggantikannya dengan kaedah lain. Akibatnya, pedagang yang membuka akaun secara Islam terpaksa membayar lebih berbanding pedagang yang memiliki akaun biasa.

Sebagai contoh, MFFX broker adalah antara yang menawarkan servis secara Islam tetapi mengenakan fi tambahan bagi setiap posisi yang dibuka melebihi tempoh semalaman dan menawarkan *spread* yang lebih tinggi. Berikut adalah iklan yang dipaparkan di laman sesawang broker MFFX:

*MFFX offers the possibility of Islamic or swap-free accounts with no rollover charges. Swaps or roll over charges will not apply to such accounts. For this service MFFX offers one pip spread higher on all currencies per trade.*

*MFFX offers all clients the opportunity to maintain islamic trading accounts (swap free forex trading accounts) whereby no roll over interest will be*

*charged or incurred to positions held overnight which is in compliance of the Islamic Shariah Law. A small fee of \$8 dollar per standard lot is charge daily for positions held overnight. Traders can hold the positions for unlimited time.*<sup>69</sup>

Ringkasnya, walaupun broker MFFX menawarkan akaun Islam tanpa caj *rollover*, tetapi hakikatnya beliau masih mengenakan fi tambahan kepada pelanggan atau pedagang yang membuka posisi melebihi semalaman. Fi tambahan ini, walaupun tidak dinamakan *rollover interest/charge*, tetapi fungsinya masih tetap sama, iaitu menambahkan jumlah hutang yang dikenakan berdasarkan penambahan masa. Kaedah fekah dengan jelas menyebut bahawa:

العِبْرَةُ فِي الْعُقُودِ لِلْمَقَاصِدِ وَالْمَعَانِي لَا لِلْأَلْفَافِ وَالْمَبَانِي<sup>70</sup>

Maksudnya: Apa yang diambil kira dalam kontrak adalah berdasarkan maksud dan makna, bukan berdasarkan lafaz dan ungkapan literal.

Justeru, penulis berpendapat bahawa perdagangan pertukaran matawang yang menggunakan akaun Islam ini masih mempunyai ciri-ciri riba yang diharamkan walaupun ianya dibuat melalui kaedah tersembunyi, iaitu melalui pengenaan fi atau komisyen sekiranya pedagang membuka posisi melebihi semalaman dan kadar *spread* yang lebih tinggi.

#### 4.2.3 *Qabd*

Seperti mana yang diterangkan dalam syarat-syarat *bay' al-ṣarf*, *qabd* terhadap kedua-dua item yang diniagakan ketika majlis akad adalah syarat asasi dalam pertukaran matawang. Berdasarkan hadis-hadis sahih yang dibincangkan dalam '*bay' al-ṣarf*', dapat disimpulkan bahawa pertukaran antara emas dan perak hendaklah dilakukan beserta dengan terjadinya *qabd*, dan hukum ini disepakati oleh keempat-empat mazhab.<sup>71</sup>

Kesepakatan ulama tentang hukum ini dinukilkan oleh Ibn Hubayrah yang menyebut:

وَاتَّفَقُوا عَلَى أَنَّهُ يَجُوزُ بَيْعُ الذَّهَبِ بِالْفِضَّةِ وَالْفِضَّةِ بِالذَّهَبِ مُتَّفَاضِلَيْنِ يَدًا بِيَدٍ، وَيَحْرَمُ النَّسَأُ فِي ذَلِكَ

<sup>69</sup> Dipetik daripada laman sesawang <http://www.mffx.com/islamic-forex-trading> pada 6 Mei 2011.

<sup>70</sup> Al-Zarqā', Aḥmad b. Muḥammad, *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Damsyik: Dār al-Qalam, 1989, h.55.

<sup>71</sup> Al-Mawṣilī, *Al-Ikhtiyār Li Ta'ālil al-Mukhtār*. Kaherah: Maṭba'ah al-Ḥalabī, 1356H, j. 2, h.40; Ibn Rusyd, *al-Muqaddimāt al-Mumahhidāt*. Dār al-Gharb al-Islāmī, 1408H, j. 2 h. 14; Al-Māwardī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1419H, j. 5 h. 77; Ibn Qudāmah, *Al-Kāfī*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1414H, j. 2 h. 39.



Maksud: “Mereka bersepakat bahawa harus menjual emas dengan perak, dan menjual perak dengan emas dengan kadar yang berbeza, secara penyerahan tangan ke tangan, dan haram penangguhan pada yang tersebut”.<sup>72</sup>

Para ulama merumuskan satu kaedah iaitu setiap dua item yang boleh berlaku riba dengan *‘illah* yang sama, maka tidak sah memasukkan unsur kelewatan di dalam akad (pertukaran) kedua-dua item tersebut, dan tidak harus berpisah sebelum berlaku *qabd* kedua-duanya.<sup>73</sup>

Dalam konteks perdagangan forex, item yang dijadikan pertukaran ialah dua matawang yang berbeza. Contohnya bagi instrumen EUR/USD, pertukaran berlaku antara euro dan dollar USD. Dua matawang yang berbeza adalah sama hukumnya dengan pertukaran antara emas dengan perak, iaitu harus ditukarkan dengan perbezaan kadar, tetapi wajib dilakukan secara *taqābuḍ* (berlaku *qabd* antara kedua-duanya).

Di dalam Piawaian Shariah AAOIFI, antara syarat yang wajib dipenuhi untuk mengesahkan perdagangan matawang ialah berlakunya *taqābuḍ* sebelum kedua-dua pihak berpisah daripada majlis akad, samada *taqābuḍ* itu berlaku secara hakiki atau *hukmi*.<sup>74</sup>

Sebagaimana dimaklumi melalui perbincangan operasi perdagangan forex, sesuatu perdagangan forex dijalankan dengan cara membuka posisi (*open position*) terhadap instrumen yang dipilih. Kemudian, diakhiri dengan menutup posisi (*close position*) terhadap instrumen tersebut.

Sebagai contoh, anda mahu membuka posisi *long* terhadap instrumen EUR/USD, dengan maksud anda akan membeli matawang euro dengan membayar matawang dollar USD. Di dalam Shariah, tuntutan *qabd* daripada transaksi ini ialah:

- i) Anda hendaklah menyerahkan matawang USD kepada broker; dan
- ii) Broker hendaklah menyerahkan matawang EUR kepada anda.

Tetapi dalam perdagangan forex *online*, broker tidak akan mengkreditkan serta-merta matawang yang anda beli ke dalam akaun anda. Jadi, anda yang membuka posisi membeli instrumen EUR/USD tidak akan selama-lamanya dapat membuat *qabd* terhadap matawang EUR yang anda beli, kerana selagi posisi yang anda buka masih dalam status *OPEN*, anda tidak akan dapat menikmati segala keuntungan daripada kenaikan harga matawang yang anda beli dan tidak mungkin anda dapat membuat pengeluaran (*withdrawal*) wang tersebut, sehingga anda membuat *CLOSE* terhadap posisi tersebut, atau dengan kata lain anda menjual balik matawang yang anda beli tadi.

---

<sup>72</sup> Ibn Hubayrah, *Ikhtilāf al-A‘immah al-‘Ulamā’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1423, j. 1 h. 358.

<sup>73</sup> Al-Māwardī, *Al-Hāwī al-Kabīr*, j. 5 h. 77, Ibn Qudāmah, *Al-Kāfi*, j. 2 h. 39.

<sup>74</sup> *Al-Ma‘āyir al-Shar‘iyyah*, Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI), Manama, 2010, Piawaian no. 1 (Pedagangan Matawang), klausa 2/1.

Contoh:

Anda membuka posisi *long* terhadap EUR/USD pada harga 1.4500 sebanyak 10,000 unit. Kemudian, anda menutup posisi tersebut pada harga 1.4550. Anda mendapat keuntungan sebanyak 50 pip.

Dalam contoh ini, apabila anda membuka posisi *long*, anda dikira membeli EUR10,000 dengan membayar USD14,500. Kemudian, anda menjual balik EUR10,000 dengan mendapat USD14,550. Anda untung USD50.

Maka di sini timbul isu ketiadaan *qabd* terhadap matawang yang dibeli oleh anda ketika membuka posisi *long* (membeli instrumen EUR/USD). Ini kerana selagi anda tidak menutup posisi pertama, anda tidak mungkin dapat menikmati apa-apa keuntungan sebenar daripada kenaikan harga EUR berbanding USD. Anda juga tidak mungkin dapat membuat *withdrawal* (pengeluaran) terhadap keuntungan yang anda perolehi daripada perubahan harga. Anda hanya dapat menikmati keuntungan apabila anda membuat *CLOSE* terhadap posisi, iaitu menjual balik 10,000 unit EUR.

Justeru, *qabd* tidak berlaku dalam dua keadaan;

- i- Matawang yang dibeli ketika membuka posisi tidak akan dikreditkan ke dalam akaun pedagang, sehingga matawang tersebut dijual balik kepada broker ketika penutupan posisi.
- ii- Keuntungan yang diperolehi daripada kenaikan harga matawang yang dibeli hanya boleh dilakukan pengeluarannya (*withdrawal*) dalam nilai USD sahaja.

Maka, jelas daripada operasi forex *online*, bahawa tidak akan berlaku *qabd* samada hakiki mahupun *hukmi* terhadap matawang yang diperdagangkan dalam forex *online* dalam konteks *qabd* matawang yang dibeli oleh pedagang ketika membuat *open position*.

#### **4.2.4 Menjual matawang yang tiada dalam pegangan (*qabd*)**

Antara isu yang berkait rapat dengan ketiadaan *qabd* hakiki atau *hukmi* terhadap matawang yang dibeli ketika pedagang membuka posisi sehinggalah beliau menutup posisinya (sepertimana yang dijelaskan di atas), ialah penjualan matawang sebelum mendapat *qabd*.

Dalam konteks *spot forex*, penjualan matawang sebelum mendapat *qabd* berlaku dalam dua keadaan berikut:

- i. ketika pedagang membuat penutupan posisi (*close position*), dia akan menjual balik matawang yang dibelinya dari broker sedangkan dia belum lagi melakukan *qabd* terhadap matawang yang dibelinya.

ii. ketika pedagang mengambil posisi menjual (*short*) EUR/USD sebanyak 10,000, pada hakikatnya beliau menjual *euro* yang tidak dimiliki dan tiada dalam pegangannya kerana apa yang dimiliki olehnya di dalam akaun adalah matawang USD sahaja.

Umumnya ulama bersepakat bahawa penjualan harga (*thaman*) sebelum pegangan adalah jualbeli yang sah,<sup>75</sup> berdasarkan hadis Rasulullah yang berbunyi:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: كُنْتُ أَبِيعُ الْإِبِلَ بِالْبَيْعِ فَأَبِيعُ بِالذَّنَائِيرِ، وَأَخَذُ الدَّرَاهِمَ وَأَبِيعُ بِالذَّنَائِيرِ، وَأَخَذُ هَذِهِ مِنْ هَذِهِ وَأُعْطِي هَذِهِ مِنْ هَذِهِ فَأَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهُوَ فِي بَيْتِ حَفْصَةَ فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، رُوَيْدَكَ أَسْأَلُكَ إِنِّي أَبِيعُ الْإِبِلَ بِالْبَيْعِ فَأَبِيعُ بِالذَّنَائِيرِ، وَأَخَذُ الدَّرَاهِمَ وَأَبِيعُ بِالذَّنَائِيرِ، وَأَخَذُ الدَّنَائِيرَ أَخَذُ هَذِهِ مِنْ هَذِهِ وَأُعْطِي هَذِهِ مِنْ هَذِهِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا بَأْسَ أَنْ تَأْخُذَهَا بِسِعْرِ يَوْمِهَا مَا لَمْ تَفْتَرِقَا وَبَيْنَكُمَا شَيْءٌ»<sup>76</sup>

Maksudnya: Ibn Umar berkata: “Wahai Rasulullah izinkan aku bertanya! Aku menjual unta di Baqi’. Aku menjual dengan dinar dan mengambil dirham, dan aku menjual dengan dirham dan mengambil dinar. Aku mengambil ini untuk itu, dan memberi itu untuk ini (iaitu dinar dan dirham). Maka Rasulullah s.a.w. menjawab: “Tidak mengapa jika kamu mengambilnya dengan harga yang ditetapkan pada hari tersebut (harga semasa) dan kamu berpisah tanpa meninggalkan sesuatu yang masih belum diselesaikan”.

Namun, kesahihan penjualan harga sebelum pegangan ini dikecualikan dalam pertukaran matawang dan *bay’ al-salam*. Pengecualian ini dibuat dalam pertukaran matawang memandangkan kedua-dua matawang yang ditukarkan dari satu sudut bersifat objek jualan (*al-mabī’*) dan harga jualan (*al-thaman*) dari sudut yang lain. Sekiranya matawang dianggap *al-mabī’*, maka penjualannya sebelum pegangan adalah tidak sah.<sup>77</sup>

Ini berdasarkan larangan Rasulullah s.a.w dalam hadis berikut:

"لَا يَحِلُّ سَلْفٌ وَبَيْعٌ وَلَا شَرْطَانٌ فِي بَيْعٍ وَلَا رِبْحٌ مَا لَمْ يُضْمَنْ وَلَا بَيْعٌ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ".<sup>78</sup>

Maksudnya: “Tidak dibenarkan hutang dan jualbeli, dan (pengenaan) dua syarat dalam satu (transaksi) jualbeli, dan (mendapat) keuntungan (daripada) sesuatu yang tidak dijamin, dan jualbeli sesuatu yang engkau tidak miliki”.

Menurut ulama hadis, perkataan *مَا لَمْ يُضْمَنْ* mempunyai dua maksud, iaitu:

<sup>75</sup> Al-Zuhaylī, *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence*, Damsyik: Dār al-Fikr, 2001, j.1, h. 61.

<sup>76</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh *aṣḥāb al-sunan* dan Imām Aḥmad. Sila rujuk: al-Tirmidhi, *al-Sunan*, hadis no. 1242, j.3, h. 536; Abū Dāwūd, *al-Sunan*, hadis no. 4453, j. 3, h. 250; al-Nasā’ī, *al-Sunan*, hadis no. 4582, j. 7, h. 281; Aḥmad b Ḥanbal, *al-Musnad*, hadis no. 6239, j. 10, h. 359.

<sup>77</sup> Al-Zuhaylī, *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence*, j.1, h. 61.

<sup>78</sup> Al-Tirmidhi, *al-Sunan*, Mesir: Maktabah Muṣṭafāal-Bābī al-Ḥalabī, 1975, hadis no. 1234, j. 5, h. 527; Abū Dāwūd, *al-Sunan*, Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, t.t, hadis no. 3504, j. 3, h. 283; al-Nasā’ī, *al-Sunan al-Ṣuḡhrā*, Ḥalab: Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah, 1986, hadis no. 4611, j. 7, h. 288.

- i. Sesuatu yang tidak dimiliki (*mā lam yumlik*)
  - ii. Sesuatu yang tiada dalam pegangan (*mā lam yuqbad*)<sup>79</sup>
- Dalam hadis yang lain Rasulullah s.a.w bersabda:

"مَنْ ابْتِئَاعَ طَعَامًا فَلَا يَبِيعُهُ حَتَّى يَفْبِضَهُ"<sup>80</sup>

Bermaksud: “Sesiapa yang membeli satu makanan maka janganlah dia menjualnya sehingga dia melakukan *qabd* terhadapnya”.

Walaupun hadis di atas merujuk kepada makanan sebagai objek jualan, tetapi ia juga merangkumi objek-objek jualan yang lain. Ini bersandarkan kepada beberapa alasan:

- i) Ibn ‘Abbās yang meriwayatkan hadis tersebut menafsirkan dengan kata-katanya:

"وَأَحْسِبُ كُلَّ شَيْءٍ بِمَنْزِلَةِ الطَّعَامِ"<sup>81</sup>

Maksud: “Dan aku menganggap segala perkara adalah sama seperti makanan (di dalam hukum ini)”.

Kaedah yang masyhur dalam periwayatan hadis adalah perawi lebih arif tentang hadis yang diriwayatnya.

- ii) Item-item selain makanan diqiyaskan dengan makanan dalam hukum tersebut kerana terdapat sebab (*‘illah*) yang sama iaitu ia adalah item yang dijual dan belum terlaksana *qabd*.<sup>82</sup>
- iii) Sebab (*‘illah*) larangan juga boleh dikaitkan dengan larangan mengambil keuntungan daripada jual beli sesuatu yang tidak berada dalam *ḍamānya*.<sup>83</sup>

Ringkasnya, perdagangan forex secara *online* didapati tidak menepati tuntutan syarak kerana pedagang yang membuka sesuatu posisi akan menutupnya balik, atau dengan kata lain membeli sesuatu instrumen dan menjualnya balik sebelum berlakunya *qabd* terhadap matawang yang dibelinya. Ia termasuk dalam larangan hadis yang dikemukakan. Malah dalam transaksi pertukaran matawang, ia lebih *awla* tidak dibenarkan kerana dalam pertukaran dua matawang, *qabd* hendaklah berlaku ketika akad tanpa dikaitkan dengan menjualnya balik.

#### 4.2.5 Spekulasi yang melibatkan perjudian (*maysir* dan *qimār*)

Majoriti platform/broker yang menawarkan *spot forex* secara *online* akan membuat pengakuan melalui “*Risk disclosure/risk warning*” bahawa perdagangan *forex* melibatkan kadar risiko yang tinggi. Antara contoh pendedahan risiko yang biasa dipaparkan di laman sesawang adalah seperti berikut:

<sup>79</sup> Al-Ṣan‘ānī, *Subul al-Salām*, Dār al-Ḥadīth, j. 2, h. 20.

<sup>80</sup> Hadis diriwayatkan oleh Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*. Dār Ṭawq al-Najāt, 1422H, hadis no: 2133, j. 3 h. 68, dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, hadis no: 1252 j. 3 h. 1160.

<sup>81</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 3 hlmn. 1160

<sup>82</sup> Al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*. Ḥalab: Maṭba‘ah al-‘Ilmiyyah, 1351H, j. 3 h. 135.

<sup>83</sup> Al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, j. 3 h. 135.

- “Trading foreign exchange on margin carries a high level of risk, and may not be suitable for all investors. The high degree of leverage can work against you as well as for you”.<sup>84</sup>
- “Forex trading involves substantial risk of loss and is not suitable for all investors”.<sup>85</sup>

Daripada paparan di atas, jelas menunjukkan *spot forex* dari satu sudut amat menguntungkan, tetapi ia juga berisiko tinggi untuk mengalami kerugian. Menurut Dominic Corelo, analisa empirikal menunjukkan bahawa 95 peratus individu yang berdagang *spot forex* mengalami kerugian yang total terhadap modal yang dilabur dalam beberapa bulan sahaja. Oleh kerana pasaran matawang amat sukar untuk dijangka, maka jaminan untuk memperdagangkan matawang secara sukses juga amat sukar.<sup>86</sup>

Persoalannya, apakah dengan adanya unsur ‘*substantial risk of loss*’, perdagangan *spot forex* ini akan dikira sebagai spekulasi? Sekiranya benar, adakah spekulasi ini melibatkan perjudian?

Bagi menjawab persoalan ini, penulis akan memperincikan isu ini dengan memberi definisi spekulasi dan perjudian, serta ulasan mengenai risiko dalam Islam.

i. Definisi spekulasi (*speculation*) dan perjudian (*gambling*)

*Dictionary of International Insurance and Finance Terms* menakrifkan spekulasi sebagai:

*... the practice of making investments or going into business that involves risk. The term is sometimes used with pejorative undertones to apply to investment for short-term gain. In certain markets, such as commodities and financial futures, speculation is clearly distinguished from transactions undertaken in the normal course of trading (physical buying or selling) or hedging (where the specific purpose is to minimise overall gains and losses from price movements).*<sup>87</sup>

Berdasarkan definisi di atas, ternyata spekulasi adalah satu bentuk pelaburan bagi mendapat keuntungan dalam jangka masa pendek dan berisiko. Walaupun ianya melibatkan pelaburan, tetapi spekulasi sering dikaitkan dengan pelaburan jangka

<sup>84</sup> Risk warning yang dibuat oleh broker FXCM. Sila rujuk laman sesawang <http://www.forexmicrolot.com/risk-warning.jsp> yang dipetik pada 6 Mei 2011.

<sup>85</sup> Risk warning yang dibuat oleh broker FXSolution. Sila rujuk laman sesawang <http://www.fxolutions.com/> yang dipetik pada 6 Mei 2011.

<sup>86</sup> Dominic Corelo, “Successful Spot Forex Trading Requires Mentality of a Marathon Runner”, 26 Februari 2011. Dipetik daripada laman sesawang <http://successtipsforex.com/forex-tips/successful-spot-forex-trading-requires-mentality-of-a-marathon-runner/> pada 20/4/2011.

<sup>87</sup> *Dictionary of International Insurance and Finance Terms*, Kent: Financial World Publishing, 2001, hh. 303-304.

masa pendek dan cubaan untuk bertaruh ke atas kenaikan harga sesuatu stok atau aset yang boleh membawa kepada risiko melampau dan perjudian.<sup>88</sup>

Perjudian pula ditakrifkan sebagai “*applied figuratively to the commitment of money on any venture with a high degree of risk. Gambling on a stock market is similar to speculation in that it is short-term, riskier and less serious minded than investment*”.<sup>89</sup> Definisi perjudian yang diberikan oleh kamus kontemporari ini menepati kaedah yang dikemukakan oleh Ibn Sīrīn yang berkata:

”كُلُّ شَيْءٍ لَهُ خَطَرٌ فَهُوَ مِنَ الْمَيْسِرِ“<sup>90</sup>

Maksudnya: “Setiap sesuatu yang terdapat risiko maka ia termasuk dalam kategori judi”.

Melihat kepada definisi perjudian, ternyata ia mempunyai persamaan spekulasi dari sudut jangka masa yang pendek dan kadar risiko yang tinggi. Tetapi, apakah atas dasar ini kita boleh membuat kesimpulan bahawa semua spekulasi adalah perjudian dan perlu diharamkan oleh syarak?

Hakikatnya, spekulasi wujud dalam semua urusan yang melibatkan bisnes dan jualbeli.<sup>91</sup> Hanya niat seseorang spekulator yang dapat membezakan antara spekulasi dan pelaburan yang sebenar.<sup>92</sup>

Di samping itu, Islam juga mengiktiraf kewujudan spekulasi dalam konteks urusaniaga. Ini terbukti melalui pembentukan beberapa kaedah fekah yang berkaitan dengan tanggungan terhadap kerugian seperti “*al-kharāj bi al-ḍamān*” dan “*al-ghunm bi al-ghurm*”. Spekulasi hanya diharamkan sekiranya ia membabitkan ketidaktentuan dan risiko yang melampau (*excessive uncertainty and risk*), dan menyerupai perjudian atau *zero-sum game*.

## ii. Risiko dalam Islam

Amnya, terdapat dua kategori risiko, iaitu:

- a. Risiko yang dikaitkan dengan transaksi ekonomi harian, iaitu aktiviti yang boleh menambah nilai sesuatu aset dan menjana kekayaan.
- b. Risiko yang dikaitkan dengan “memakan harta secara batil” atau aktiviti yang berbentuk “*zero-sum games*”.<sup>93</sup>

<sup>88</sup> Sherin Kunhibava, “Risk Management and Islamic Forward Contracts”, Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Durham Islamic Finance Conference 2010*, pada 14-15 Julai 2010, h.6.

<sup>89</sup> *Dictionary of International Insurance and Finance Terms*, h.

<sup>90</sup> Al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān fi Ta’wīl al-Qur’ān*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2000, j. 4, h. 323.

<sup>91</sup> Mohammed Obaidullah, “Islamic Risk Management: Towards Greater Ethics and Efficiency”, *International Journal of Financial Services*, Jil. 3, no. 4.

<sup>92</sup> Muhammad Akram Khan, “Commodity Exchange and Stock Exchange in Islamic Economy”, *The American Journal of Islamic Social Science*, Jil. 5, no. 1, 1988. H. 101.

<sup>93</sup> Sami Suwailem, *Hedging in Islamic Finance*, Jeddah: Islamic Development Bank, 2006, Occasional Paper no. 10, h. 55.

Pembahagian ini bertepatan dengan kenyataan Ibn Taymiyyah mengenai hakikat risiko (*mukhātarah*) yang berbunyi:

"وَأَمَّا الْمُخَاطَرَةُ فَلَيْسَ فِي الْأَدْلَةِ الشَّرْعِيَّةِ مَا يُوجِبُ تَحْرِيمَ كُلِّ مُخَاطَرَةٍ؛ بَلْ قَدْ عَلِمَ أَنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَمْ يُحَرِّمَا كُلَّ مُخَاطَرَةٍ، وَلَا كُلَّ مَا كَانَ مُتَرَدِّدًا بَيْنَ أَنْ يُغْنِمَ أَوْ يَغْرُمَ أَوْ يَسْلَمَ... وَلَكِنْ يَحْرُمُ مِنْ هَذِهِ الْأَنْوَاعِ مَا يَسْتَمِلُ عَلَى أَكْلِ الْمَالِ بِالْبَاطِلِ، وَالْمُوجِبُ لِلتَّحْرِيمِ عِنْدَ الشَّارِعِ أَنَّهُ أَكْلُ مَالٍ بِالْبَاطِلِ، كَمَا يَحْرُمُ أَكْلُ الْمَالِ بِالْبَاطِلِ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ مُخَاطَرَةً؛ لَا أَنْ مُجَرَّدَ الْمُخَاطَرَةِ مُحَرَّمٌ"<sup>94</sup>

Maksudnya: "Tidak terdapat dalil syarak yang mengharamkan semua bentuk risiko, malah Allah dan RasulNya tidak mengharamkan semua risiko, dan semua aktiviti yang diragui samada akan beroleh keuntungan atau kerugian atau selamat (tidak memperolehi apa-apa keuntungan atau kerugian) ... sebaliknya, risiko yang diharamkan adalah yang mengandungi unsur memakan harta secara batil. Sebab pengharamannya di sisi Allah adalah kerana ia berbentuk memakan harta secara batil, sebagaimana diharamkan memakan harta secara batil walaupun tidak terdapat risiko. Risiko semata-mata tidak menjadi pengharaman".

Bagi mengetahui samada perdagangan *spot forex* melibatkan risiko yang berbentuk perjudian atau sebaliknya, kita perlu meneliti syarat utama *zero-sum games*, iaitu ketidakpastian (*gharar*) ketika kontrak dibuat.<sup>95</sup> Di samping itu, ia akan mengakibatkan hanya satu pihak yang mendapat keuntungan dan pihak yang lain menanggung kerugian, seperti mana yang berlaku dalam situasi memakan harta secara batil.

Contohnya, dua pihak yang berjudi sebanyak RM2000 menggunakan duit syiling tidak mengetahui (semasa pertarungan dimulakan) bahagian mana (ekor atau kepala) yang akan jatuh. Sekiranya A bertaruh 'ekor' dan B bertaruh 'kepala', dan bahagian syiling yang jatuh ialah kepala, maka B akan mendapat kesemua wang tersebut manakala A akan mengalami kerugian yang total. Ini kerana kontrak dibuat berdasarkan 'game of chance' semata-mata, tanpa sebarang pertukaran dari sudut *counter value*.

Dalam konteks *spot forex*, pedagang yang membuka posisi (samada menjual atau membeli) tidak mengetahui -ketika kontrak dibuat- berapakah harga matawang yang akan beliau perolehi ketika posisi *close* dibuat kemudiannya. Sebagaimana yang diterangkan di atas, *forex* memerlukan dua posisi berbeza (*open* dan *close*) diambil bagi melengkapkan proses sesuatu transaksi yang dibuat. Contohnya, apabila A membuka posisi (*open position*) dengan membeli (*long*) EUR/USD pada kadar 1.4573, A tidak akan memperolehi nilai yang dibelinya, dan tidak akan mengetahui jumlah yang akan diperolehi sehinggalah dia mengambil posisi pelengkap iaitu menutup posisi (*close position*) dengan menjual balik EUR/USD tersebut kepada broker.

<sup>94</sup> Ibn Taymiyyah, *al-Mustadrak 'alā Majmū' Fatāwā Shaykh al-Islām*, t.t., 1418H, j.4, h. 66.

<sup>95</sup> Sami Suwailem, *Hedging in Islamic Finance*, h. 74.

Dalam kes ini, *spot forex* dilihat mirip kepada konsep derivatif<sup>96</sup>. Ini kerana perbezaan di antara harga *open* dan *close* akan dikredit ke dalam akaun A sekiranya kenaikan matawang EUR/USD berlaku. Namun, jika kadar matawang menurun, maka perbezaan harga tersebut didebit dari akaun A dan dikredit ke akaun broker.

Menurut Sami Suwailem:

*Derivatives are clear examples of zero-sum games. They are obligations to exchange certain amounts of money in a future date. The difference between prices at the time of contract and at maturity is debited from one party and credited to the other..*<sup>97</sup>

Ringkasnya, *spot forex* dilihat mempunyai ciri-ciri perjudian kerana kejayaan atau kegagalan seseorang pedagang secara relatifnya bergantung kepada turun naik pasaran matawang. Namun, ramai yang beranggapan, sekiranya pedagang tidak terlalu tamak untuk mengaut keuntungan, tetapi sebaliknya mampu mengawal emosi dan berdisiplin serta berdagang mengikut *price action analysis*, probabiliti untuk beliau berjaya dalam *spot forex* adalah amat cerah.

Di samping itu, walaupun perdagangan dinamakan *spot forex*, tetapi melihat kepada operasi keseluruhannya dan pengakuan orang yang terlibat<sup>98</sup>, ternyata ia mempunyai unsur *forwards contract* di mana semasa pedagang membuat kontrak dengan broker untuk membeli sesuatu pasangan matawang beliau tidak akan mendapat wang tersebut sehingga satu transaksi masa hadapan dibuat (*close position*). Apa yang membezakan antara kedua-duanya ialah kadar pertukaran masa hadapan dalam *forward forex* adalah tetap, manakala kadar pertukaran *spot forex* bergantung kepada pasaran semasa. Dalam hal ini, *spot forex* bukan sahaja mengandungi unsur penanguhan kedua-dua nilai tukaran (*ta'jil al-badalayn*), malah mempunyai unsur *gharar* dari sudut harga.

Ini bertentangan dengan syarat pertukaran matawang yang telah dibincangkan dalam bab *bay' al-sarf* dan larangan Rasulullah s.a.w mengenai *bay' al-gharar* seperti mana sabda baginda yang berbunyi:

«نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاةِ، وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ»<sup>99</sup>

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w. melarang jualbeli berasaskan lontaran dan jualbeli yang tiada kepastian (*uncertainty*).”

<sup>96</sup> Temubual dengan pedagang *spot forex* En. Azren Mohd Yusof pada 22 April 2011.

<sup>97</sup> Sami Suwailem, *Hedging in Islamic Finance*, h. 75.

<sup>98</sup> Temubual dengan pedagang *spot forex* En. Azren Mohd Yusof pada 22 April 2011.

<sup>99</sup> Muslim, *Shāḥih Muslim*, hadis no. 1513, j. 3, h. 1153.



## 5. 0. Kesimpulan

Hasil daripada perbincangan mengenai perdagangan *spot forex* oleh individu melalui platform elektronik, berikut adalah beberapa rumusan, antaranya:

- i. *Spot forex* yang dijalankan oleh individu melalui platform internet agak berbeza daripada konsep *spot forex* yang dijalankan di peringkat *inter-bank*. Dari satu sudut, ia dibuat berdasarkan *spot forex* dari segi harga lani (*value spot*), tetapi dari segi penyelesaian ia tidak berlaku berdasarkan T+2. Malah penyelesaian tidak akan berlaku selagi pedagang tidak menutup posisi yang dibukanya.  
Namun, dari sudut yang lain, *spot forex* dilihat lebih mirip kepada *forward forex*, kerana apabila pedagang membeli sesuatu matawang daripada broker, beliau tidak akan dapat memiliki matawang yang dibelinya. Sebaliknya, pedagang akan menikmatinya setelah beliau menjualnya semula kepada broker pada waktu hadapan. Apa yang membezakan *spot forex* oleh individu dengan *forward forex* ialah kadar tukaran matawang masa hadapan adalah tetap iaitu kadar yang dipersetujui pada tarikh transaksi, manakala kadar tukaran matawang dalam *spot forex* tidak tetap, tetapi berdasarkan turun naik harga pasaran matawang yang didagangkan.
- ii. Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf sebarang urusan niaga matawang asing yang dibuat melalui saluran-saluran yang tidak sah. Malah, terdapat peruntukan perundangan yang jelas berhubung larangan tersebut, iaitu melalui Seksyen 3(1) dan Seksyen 4(1),(2) dan (3) Akta Kawalan Pertukaran Wang (AKPW) 1953. Mana-mana individu dilarang sama sekali mengurus niaga matawang asing, kecuali setelah mendapat kebenaran Pengawal Pertukaran Asing, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia.
- iii. Berdasarkan beberapa isu syariah yang diketengahkan termasuk isu *qard* = *leverage*, *riba al-nasī'ah* = *rollover interest*, *qabd*, menjual matawang yang tiada dalam pegangan (*qabd*) dan spekulasi yang melibatkan perjudian, ternyata operasi *spot forex* secara *online* oleh individu adalah tidak mengikut landasan syarak yang telah digariskan berhubung jualbeli matawang (*bay' al-sarf*).

Berdasarkan rumusan di atas, selain daripada bergantung kepada beberapa isu syariah yang dikemukakan, penulis berpendapat prinsip *siyāsah shar'īyyah* adalah sesuai untuk digunapakai sebagai menentukan hukum *spot forex* oleh individu secara *online* ini. *Siyāsah shar'īyyah* merupakan hasil *ijtihad* pemerintah dalam hal-hal yang tidak ditentukan secara jelas oleh nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dalam hal ini, Ibn Qayyim al-Jawziyyah di dalam *al-Ṭuruq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'īyyah* memetik kata-kata Ibn 'Uqayl, seorang tokoh mazhab Hanbali yang mentakrifkan *Siyāsah Shar'īyyah* sebagai;

" السِّيَاسَةُ مَا كَانَ فِعْلًا يَكُونُ مَعَهُ النَّاسُ أَقْرَبَ إِلَى الصَّلَاحِ، وَأَبْعَدَ عَنِ الْفُسَادِ، وَإِنْ لَمْ يَضَعَهُ الرَّسُولُ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -، وَلَا نَزَلَ بِهِ وَحْيٌ " <sup>100</sup>

<sup>100</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Al-Ṭuruq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'īyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995, h. 10-11.

Maksud: “*Siyāsah shar‘iyyah* ialah apa jua tindakan yang boleh menjamin kepentingan orang awam selagi tindakan tersebut dapat menjauhkan dari keburukan, meskipun tindakan tersebut tidak disebut secara jelas oleh Rasulullah s.a.w. dan tiada wahyu mengenainya”. Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh Ibn Qayyim inilah maka para fuqahā’ mendefinisikan *siyāsah shar‘iyyah* sebagai “menggunakan mekanisma *maṣāliḥ mursalah* dalam menentukan hukum”.

Justeru itulah ‘Abd al-Wahhāb Khallāf menyatakan;

... فالسِّيَاسَةُ الشَّرْعِيَّةُ عَلَى هَذَا هِيَ الْعَمَلُ بِالْمَصَالِحِ الْمُرْسَلَةِ لِأَنَّ الْمَصْلَحَةَ الْمُرْسَلَةَ هِيَ الَّتِي لَمْ يَقُمْ مِنَ الشَّارِعِ دَلِيلٌ عَلَى اعْتِبَارِهَا أَوْ إِغَائِبُهَا<sup>101</sup>

Maksud: “*Berasaskan kepada pengertian ini, siyāsah shar‘iyyah* ialah beramal dengan *maṣāliḥ mursalah*. Kerana *maṣāliḥ mursalah* ialah sesuatu yang tidak diterima atau ditolak oleh mana-mana dalil dengan secara khusus.”

Penggunaan prinsip *maṣāliḥ mursalah* oleh pemerintah ini bertepatan dengan kaedah fekah yang menyatakan;

" تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالْمَصْلَحَةِ<sup>102</sup> "

Maksud: “Sesuatu yang dilakukan pemerintah ke atas rakyatnya adalah bergantung kepada *maṣlahah* (kepentingan umum)”.

Justeru, menurut perspektif *siyāsah shar‘iyyah*, sebarang larangan terhadap sesuatu perbuatan/tindakan yang diputuskan oleh pemerintah melalui perundangan negara dan perundangan tersebut tidak pula bercanggah dengan al-Qur’an dan al-Hadis, bahkan larangannya oleh pemerintah dilihat bertujuan memelihara kepentingan umum (*maṣlahah ‘ammah*), maka ia juga tidak dibenarkan di sisi syarak. Dalam konteks *spot forex* oleh individu secara *online*, larangan pihak berkuasa kewangan terhadap transaksi ini dibuat bagi tujuan memelihara kestabilan sistem kewangan dan monetari negara. Secara umumnya, pendekatan ini menepati prinsip *siyāsah shar‘iyyah* itu sendiri.

<sup>101</sup> ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *Al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī al-Shu‘ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*, Beirut: Muassasah al-Risālah, ed, ke-3, 1984, h. 6.

<sup>102</sup> Al-Suyūfī, *Al-Ashbāh a al-Nazā‘ir*, Beirut: Dār al-Kurub al-‘Ilmiyyah, 1990, h.121.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf. (1984M). *Al-Siyāsah al-Shar‘iyyah fī al-Shu‘ūn al-Dustūriyyah wa al-Khārijīyyah wa al-Māliyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Abu Dāwūd. *Sunan Abī Dāwūd*. Beirut: Al-Maktabah al-‘Aşriyyah.
- Al- Sharbīnī. (1415H). *Mughnī al-Muhtāj*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bahūtī. *Kasyyāf al-Qinā’*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bājī. t.t. *Al-Muntaqā Sharḥ al-Muwatta’*. Mesir: Dār al-Kitāb al-Islāmī.
- Al-Ibn Hubayrah. (1423H). *Ikhtilāf al-A‘immah al-‘Ulamā’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khaṭṭābī. (1351H). *Ma‘ālim al-Sunan*. Ḥalab: Maṭba‘ah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khurashī. t.t. *Sharḥ Mukhtaşar Khalīl*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Mawşilī. *Al-Ikhtiyār Li Ta‘līl al-Mukhtār*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Māwardī. (1419H). *Al-Ḥāwī al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nasa’ī. (1406H). *Sunan al-Nasa’ī*. Halab: Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah.
- Al-Qarāfī, t.t. *Al-Furūq*. t.t. ‘Ālam al-Kutub.
- Al-Sarakhsī. (1414H). *Al-Mabsūṭ*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Shīrāzī. (1428H). *Al-Muhadḥhab*. Dār al-Minhāj, 1428H.
- Al-Tirmidhī. (1975). *Al-Sunan*. Mesir: Maktabah Muştafāal-Bābī al-Ḥalabī.
- Al-Ṭabarī. (2000M). *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Zarqā’, Aḥmad b. Muḥammad. (1989). *Sharḥ al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Zayla‘ī. (1418H). *Naşb al-Rāyah*. Beirut: Mu’assasah al-Rayyān.
- Al-Zuḥaylī. (2001M). *Financial Transactions in Islamic Jurisprudence*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia – Perubahan Sedekad*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. 1999.
- Cheah Kooi Guan. (2002M). *Sistem Kewangan Malaysia*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia.

- Dictionary of International Insurance and Finance Terms*. Kent: Financial World Publishing, 2001.
- Ding Lai Hong. (2007M). *The Foreign Exchange Market*, Kuala Lumpur: Institut Bank-Bank Malaysia.
- Ibn al-Athīr. (1399H). *Al-Nihāyah Fī Gharīb al-Ḥadīth*. Beirut: Al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar ‘Asqalānī. (1416H). *Al-Talkhīṣ al-Ḥabīr*. Egypt: Mu‘assasah Qurṭubah.
- Ibn al-Mulaqqin. *Al-Badr al-Munīr*. Riyadh: Dār al-Hijrah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1995). *Al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah. (1414H). *Al-Kāfī*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Rushd. (1408H). *Al-Muqaddimāt al-Mumahhidāt*. Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Mohammed Obaidullah. “Islamic Risk Management: Towards Greater Ethics and Efficiency”, *International Journal of Financial Services*, Jil. 3. Bil. 4.
- Muhammad Akram Khan. (1988). “Commodity Exchange and Stock Exchange in Islamic Economy”, *The American Journal of Islamic Social Science*, Jil. 5, Bil. 1.
- Muḥammad al-Bāz. (1999M). *Aḥkām Ṣarf al-Nuqū wa al-‘Umulāt fī al-Fiqh al-Islāmī*. ‘Ammān: Dār al-Nafā’is.
- Muslim. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- ‘Umayrah. (1415H). *Ḥāshiyah ‘Umayrah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Oxford Dictionary of Finance and Banking*. Oxford: Oxford University Press, ed, ke-3. 2005.
- Peraturan-Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia. 2009.
- Sami Suwailem. (2006M). *Hedging in Islamic Finance*, Jeddah: Islamic Development Bank, Occasional Paper no. 10.
- Sherin Kunhibava, “Risk Management and Islamic Forward Contracts”, Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Durham Islamic Finance Conference 2010*, pada 14-15 Julai 2010.

## LAMAN SESAWANG

<http://investinfoxonline.com/2010/02/what-is-forex-leverage/>

<http://iticsoftware.com/expert-advisors/>

<http://successtipsforex.com/forex-tips/successful-spot-forex-trading-requires-mentality-of-a-marathon-runner/>

<http://www.100forexbrokers.com/rollover-swap-free-accounts>

<http://www.babypips.com/school/currencies-are-traded-in-pairs.html>

<http://www.babypips.com/school/lots-leverage-and-profit-and-loss.html>

<http://www.babypips.com/school/margin-call-exemplified.html> pada 18 Mei 2011.

<http://www.babypips.com/school/margin-leverage-possible-deadly-combination.html>  
<http://www.babypips.com/school/types-of-orders.html> pada 10 Mei 2011.

<http://www.babypips.com/school/what-is-a-currency-cross-pair.html>

<http://www.bnm.gov.my/>

<http://www.cftc.gov>

<http://www.earnforex.com/articles/what-is-rollover-interest-in-the-forex-market>

<http://www.earnforex.com/mt4-forex-brokers/>

<http://www.earnforex.com/mt4-forex-brokers/>

<http://www.forexmicrolot.com/risk-warning.jsp>

<http://www.fxolutions.com/>

[http://www.globextrade.com/rollover\\_premium\\_calculation.htm](http://www.globextrade.com/rollover_premium_calculation.htm) pada 5 Mei 2011.

<http://www.investopedia.com/terms/b/basecurrency.asp>

<http://www.investopedia.com/terms/b/bid-askspread.asp> pada 11 Mei 2011.

<http://www.investopedia.com/terms/b/broker.asp>

<http://www.investopedia.com/terms/c/crosscurrency.asp>

<http://www.investopedia.com/terms/c/crosscurrency.asp>

<http://www.investopedia.com/terms/p/pip.asp> pada 11 Mei 2011.

<http://www.mbtrading.com/forexRolloverPremRates.aspx>

<http://www.mffx.com/islamic-forex-trading>

<http://www.nfa.futures.org>

<http://www.ppkm.net/>